

**PENGARUH PERSEPSI KESELAMATAN KERJA KE
ATAS PRESTASI KESELAMATAN: KAJIAN KE ATAS
PEKERJA PEMBINAAN DI LOK YAM KUNG
ENTERPRISE SDN. BHD.**

CHANDRASEGRAN A/L GANESON

**IJAZAH SARJANA SAINS
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
April 2014**

**PENGARUH PERSEPSI KESELAMATAN KERJA KE ATAS PRESTASI
KESELAMATAN: KAJIAN KE ATAS PEKERJA PEMBINAAN DI
LOK YAM KUNG ENTERPRISE SDN. BHD.**

Oleh

CHANDRASEGRAN A/L GANESON

**Tesis Diserahkan kepada
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business
Universiti Utara Malaysia
bagi Memenuhi Keperluan Ijazah Sarjana Sains
(Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan)**

KEBENARAN MERUJUK

Kertas projek ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengurniaan Sarjana Sains Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya dengan ini bersetuju membenarkan pihak perpustakaan Universiti Utara Malaysia mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini untuk tujuan akademik perlulah mendapat kebenaran daripada Penyelia Kertas Projek atau Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business terlebih dahulu. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika rujukan terhadap kertas projek ini dilakukan.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan kertas projek ini sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya hendaklah dipohon melalui:

Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Keselamatan pekerja dalam industri berisiko tinggi seperti industri pembinaan adalah satu kebimbangan utama kerana operasi yang dikaitkan dengan bahaya, persekitaran dan pekerjaan yang berbeza semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan. Kajian mengenai keselamatan dan kecelakaan yang melibatkan pekerja pembinaan adalah sangat terhad berbanding dengan kajian ke atas pekerja sektor lain. Pelbagai latihan keselamatan serta program kesedaran ke atas keselamatan telah diterapkan untuk mendapatkan penglibatan dan komitmen pekerja ke atas keselamatan. Namun demikian, kejadian dan kemalangan di tempat pembinaan melibatkan pekerja pembinaan masih terjadi. Pematuhan keselamatan melibatkan kepada pematuhan aktiviti keselamatan yang perlu patuhi oleh individu untuk mengekalkan keselamatan di tempat kerja, seperti memakai peralatan perlindungan. Sementara itu, penyertaan dalam aktiviti keselamatan pula melibatkan bantuan kepada rakan sekerja, menggalakkan program keselamatan di tempat kerja, menunjukkan inisiatif dan meletakkan usaha dalam meningkatkan keselamatan di tempat kerja. Kajian ini dijalankan untuk menentukan pengaruh persepsi Keselamatan Kerja (WSS) terhadap prestasi keselamatan dan persepsi tentang keselamatan di kalangan pekerja pembinaan. Sejumlah 100 borang soal selidik yang mengandungi lima pembolehubah Skala Keselamatan Kerja iaitu: (a) keselamatan kerja (b) keselamatan rakan sekerja (c) keselamatan penyelia (d) amalan keselamatan oleh pihak pengurusan dan (e) program dan polisi keselamatan dan pematuhan tingkah laku keselamatan sebagai pembolehubah bersandar; telah diedarkan kepada sampel terpilih dalam kajian ini. 94 daripadanya telah digunakan untuk tujuan analisis. Keputusan kajian menunjukkan tahap penerimaan WSS di kalangan pekerja pembinaan adalah pada tahap tinggi. Penemuan dalam kajian ini menunjukkan faktor keselamatan kerja, keselamatan rakan sekerja, keselamatan penyelia, amalan keselamatan oleh pengurusan dan program serta polisi nyata sekali berkait secara langsung dengan pematuhan amalan keselamatan.

Kata kunci: Persepsi keselamatan, Prestasi keselamatan, Pematuhan keselamatan, Gelagat keselamatan, Sektor pembinaan.

ABSTRACT

Employees' safety especially in the high risk industry like construction industry become a big concern to the employers because the employees face the different hazard and environment. There were limited studies on safety being carried out involving the construction worker compared to other employees. Safety trainings and awareness programmes had been aggressively put into actions to get the staffs involvement and commitment over safety yet there are still incidents and accidents at construction site involving construction workers. Safety compliance involving compliance activities to safety needs to follow by individuals in order to maintain safety in the workplace, such as wearing protective equipment. Meanwhile, participation in safety involves co-workers assistance, promote workplace safety program, show initiative and put effort in improving safety in the workplace. This study was conducted to determine the influence of the perception on work safety on safety performance among construction worker and their perception on safety. A total of 100 questionnaires were distributed to the sample chosen on the study consisting of five independent variables of Work Safety Scale that are: (a) job safety, (b) co-worker safety, (c) supervisor safety, (d) management safety practices and (e) satisfaction of the safety programme and compliance safety behaviour as the dependent variables. The results revealed the perception on WSS among the construction workers were high. Finally, the finding of the study also shows that job safety, co-worker safety, supervisor safety, management safety practices and safety program and policies were significantly related to safety compliance behaviour.

Keywords: Safety perception, Safety performance, Safety compliance, Safety behaviour, Construction sector.

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin memuji dan mengucapkan terima kasih kepada Tuhan kerana memberi saya kekuatan, kesabaran, keberanian dan keupayaan untuk menyiapkan tesis ini tanpa sebarang gangguan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah menghulurkan sokongan, bantuan, kerjasama dan nasihat sama ada secara langsung atau tidak di dalam menjayakan penulisan ini.

Penghargaan ini saya tujukan khusus untuk Dr. Munauwar Bin Mustafa, selaku Penyelia Projek Sarjana ini di atas bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang membina sepanjang proses pelaksanaan projek dan penulisan ini dilakukan. Tidak lupa juga kepada pemilik Syarikat Lok Yam Kung Sdn Bhd iaitu En Chin Loong Juen yang telah membenarkan projek ini dilakukan di syarikat tersebut serta semua pekerja dan kakitangannya yang telah sudi membantu menyediakan segala data-data yang diperlukan dalam menjayakan projek ini. Kepada rakan-rakan seperjuangan di dalam program Sarjana Sains Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan juga tidak dilupakan di atas dorongan, tunjuk ajar dan nasihat kalian sepanjang kursus.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada isteri tercinta Pn Anila yang sudi menemani dan membantu dari semua aspek sepanjang proses penyelidikan ini dilakukan.

Sekian.

ISI KANDUNGAN

SENARAI KANDUNGAN	MUKA SURAT
TAJUK	i
PERAKUAN KERTAS KERJA	ii
KEBENARAN MERUJUK	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
 BAB SATU PENGENALAN	 1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Maklumat Organisasi	3
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Skop Kajian dan Limitasi Kajian	9
1.7 Organisasi Tesis	9
1.8 Rumusan	11
 BAB DUA ULASAN KARYA	 12
2.1 Prestasi Keselamatan	12
2.2 Persepsi Keselamatan Kerja	15
2.3 Hubungan antara Persepsi Keselamatan Kerja dan Prestasi Keselamatan	17
2.3.1 Keselamatan Kerja dan Prestasi Keselamatan	18
2.3.2 Keselamatan Rakan Sekerja dan Prestasi Keselamatan	20
2.3.3 Keselamatan Penyelia dan Prestasi Keselamatan	21
2.3.4 Amalan Pengurusan Keselamatan dan Prestasi Keselamatan	23
2.3.5 Kepuasan Terhadap Program Keselamatan dan Prestasi Keselamatan	24
2.4 Rumusan	25
 BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN	 26
3.1 Kerangka Konseptual	26
3.2 Pembangunan Hipotesis	27
3.3 Reka Bentuk Kajian	30
3.4 Definisi Operasi	30
3.4.1 Prestasi Keselamatan	30
3.4.2 Persepsi Keselamatan Kerja	31
3.5 Pengukuran Pembolehubah	31
3.5.1 Prestasi Keselamatan	32
3.5.2 Persepsi Keselamatan Kerja	33
3.5.3 Kajian Rintis dan Ujian Kebolehpercayaan	35

3.6	Kaedah Pensampelan	37
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	38
3.8	Kaedah Analisis Data	38
3.9	Rumusan	39
BAB EMPAT DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN		40
4.1	Latar Belakang Responden	40
4.1.1	Etnik	40
4.1.2	Umur	41
4.1.3	Jawatan	42
4.1.4	Pengalaman Kerja	43
4.2	Analisis Deskriptif	44
4.2.1	Statistik Deskriptif Pemboleh ubah	44
4.3	Analisis Perhubungan	46
4.4	Pengaruh Faktor WSS ke atas Prestasi Keselamatan	49
4.5	Rumusan Pengujian Hipotesis	50
4.6	Rumusan	51
BAB LIMA KESIMPULAN DAN CADANGAN		52
5.1	Latar Belakang Kajian	52
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	53
5.2.1	Tahap Prestasi Keselamatan	53
5.2.2	Hubungan antara Faktor WSS dan Prestasi Keselamatan	54
5.3	Implikasi	57
5.3.1	Implikasi Teoretikal	57
5.3.2	Implikasi Praktikal	58
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	59
5.5	Rumusan	60
RUJUKAN		61
LAMPIRAN		67

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK JADUAL	MUKA SURAT
Jadual 1.1	Bilangan Kemalangan Dilaporkan 2011-2012	4
Jadual 3.1	Item-item Pengukuran Prestasi Keselamatan	32
Jadual 3.2	Item-item Pengukuran Skala Keselamatan Kerja (WSS)	33
Jadual 3.3	Julat Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> dan Tahap Kebolehpercayaan	36
Jadual 3.4	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	37
Jadual 4.1	Jadual Kekerapan Kumpulan Etnik	41
Jadual 4.2	Jadual Kekerapan Kumpulan Umur	42
Jadual 4.3	Jadual Kekerapan Jawatan	42
Jadual 4.4	Jadual Kekerapan Pengalaman kerja	43
Jadual 4.5	Statistik Deskriptif	45
Jadual 4.6	Nilai Pekali Kecondongan dan Kurtosis	46
Jadual 4.7	Hubungan antara Faktor-Faktor WSS dan Prestasi Keselamatan	46
Jadual 4.8	Pengaruh Faktor-Faktor WSS ke atas Prestasi Keselamatan	50
Jadual 4.9	Rumusan Pengujian Hipotesis	50

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK RAJAH	MUKA SURAT
Rajah 2.1	Bilangan Kemalangan Dilaporkan 2008-2012	5
Rajah 2.1	Model Iklim Keselamatan dan Prestasi Keselamatan	14
Rajah 3.1	Kerangka Konseptual	26
Rajah 4.1	Latar Belakang Responden Berdasarkan Kumpulan Etnik	41
Rajah 4.2	Latar Belakang Responden Berdasarkan Kumpulan Umur	42
Rajah 4.3	Latar Belakang Responden Berdasarkan Jawatan	43
Rajah 4.4	Latar Belakang Responden Berdasarkan Pengalaman Kerja	44
Rajah 4.5	Kecerunan Faktor-Faktor WSS ke atas Prestasi Keselamatan	49

BAB SATU

PENGENALAN

Keselamatan dalam industri berisiko tinggi seperti industri pembinaan adalah satu kebimbangan utama kerana operasi yang dijalankan adalah berkaitan dengan bahaya persekitaran dan pekerjaan yang berbeza semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan (Marshall, 1996). Oleh sebab ini, kerajaan Malaysia telah mewujudkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 yang merupakan satu peraturan diri untuk majikan, pekerja dan kakitangan yang bekerja sendiri untuk bertanggungjawab mengenai keselamatan dan kesihatan mereka sendiri di tempat kerja. Pengenalan kepada AKKP (1994) telah menyebabkan semua industri di Malaysia mengenal pasti bahaya, menjalankan penilaian risiko dan mengawal risiko-risiko yang mungkin berlaku.

1.1 Latar Belakang Kajian

Beberapa kemalangan yang berlaku di beberapa industri utama seperti bencana nuklear di Chernobyl pada tahun 1986 dan pembebasan Isosianat Methyl di Bhopal pada tahun 1984 telah mengubah perspektif dunia mengenai keselamatan dan kesihatan di tempat kerja (Takala, 1999). Hari ini, masyarakat mempunyai kesedaran yang lebih daripada ancaman potensi kemalangan dalam industri dan keselamatan dan kesihatan mereka sendiri terutama di tempat kerja. Kajian Takala (1999) adalah berdasarkan laporan yang dikemukakan kepada Pejabat Buruh Antarabangsa mengenai kemalangan maut pekerjaan di tempat kerja pada tahun 1994. Jumlah anggaran kemalangan maut pekerjaan bagi seluruh dunia adalah 335,000, yang

bersamaan dengan anggaran purata kadar kemalangan maut pada 14.0% bagi 100,000 pekerja, kadar yang lebih tinggi daripada anggaran awal. Seperti yang dijangkakan, kadar ini adalah berbeza bagi sesebuah negara, wilayah dan aktiviti ekonomi. Sebagai perbandingan, kadar kematian kepada pekerja-pekerja di Malaysia pada tahun 2000 adalah 10.5% (Rampal, Aw & Jefferelli, 2002).

Prestasi keselamatan merujuk kepada Griffin dan Neal (2000) melibatkan kepada pematuhan aktiviti keselamatan yang perlu patuhi oleh individu untuk mengekalkan keselamatan di tempat kerja, seperti memakai peralatan perlindungan. Sementara itu, penyertaan dalam aktiviti keselamatan pula melibatkan bantuan kepada rakan sekerja, menggalakkan program keselamatan di tempat kerja, menunjukkan inisiatif dan meletakkan usaha dalam meningkatkan keselamatan di tempat kerja.

Prestasi keselamatan yang lemah telah dilaporkan mempunyai kesan yang besar ke atas keuntungan syarikat. Prestasi keselamatan yang baik di tempat kerja mengurangkan kadar kemalangan dan kecederaan peribadi dan kerosakan harta benda, dan seterusnya meningkatkan keadaan kerja, yang meningkatkan motivasi pekerja dan mengurangkan ketidakhadiran (Fernandez-Muniz, Montes-Peon & Vasquez-Ordas, 2009). Oleh itu, keselamatan di tempat kerja dianggap sebagai salah satu perkara teras oleh semua organisasi yang bertanggungjawab untuk melindungi dan mengoptimumkan fungsi sumber manusia mereka.

Penyelidik telah mengkaji peranan persepsi ke atas keselamatan di tempat kerja dalam memahami proses berlakunya kemalangan dalam industri. Kajian menunjukkan bahawa persepsi isu keselamatan di tempat kerja adalah berkaitan

dengan pembolehubah seperti kadar kemalangan, kebimbangan dan pematuhan pekerja dengan gelagat keselamatan. Kadar kemalangan yang berlaku di tapak pembinaan masih agak tinggi walaupun hakikat bahawa banyak usaha telah dilakukan oleh kerajaan, majikan, kontraktor dan pengamal keselamatan (Fung, 2010). Keadaan yang tidak diingini seperti ini disebabkan oleh tahap kesedaran yang masih rendah kepada risiko disebabkan oleh tradisi dan budaya tenaga kerja. Selain itu, pembinaan melibatkan banyak aktiviti yang dikaitkan dengan bahaya, keadaan cuaca dan pekerjaan yang berbeza semasa fasa pembinaan yang akan mendatangkan risiko yang lebih (Marshel, 1996).

Disebabkan kepentingan gelagat keselamatan di tempat kerja, kajian ini dijalankan untuk mengkaji pengaruh persepsi ke atas keselamatan kerja ke atas prestasi keselamatan di tempat kerja. Persepsi keselamatan kerja diukur dengan menggunakan lima aspek dalam Skala Keselamatan Kerja (WSS). Ini membolehkan majikan untuk memahami dengan lebih baik mengenai kepentingan prestasi keselamatan dan persepsi pekerja terhadap amalan keselamatan di tempat kerja. Oleh itu, kajian ini akan membolehkan majikan untuk merangka dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mencegah kemalangan daripada berulang pada masa depan.

1.2 Maklumat Organisasi

Lok Yam Kung Enterprise Sdn. Bhd. (LYK) telah diperkenalkan pada 10 Oktober 2010 dan terletak di Bandar Seberang Prai, Pulau Pinang. LYK merupakan syarikat yang terlibat dalam pembinaan dan kejuruteraan. LYK telah berjaya

melebarkan sayap dengan menceburi pelbagai industri seperti pembinaan kilang wafer dan semi konduktor, farmasi, stesen jana kuasa dan industri minyak dan gas. Pada asasnya, LYK ditubuhkan bagi memenuhi keperluan yang tinggi dalam pertumbuhan industri berat. Syarikat ini komited dalam membangunkan dan mengekalkan asas kemahiran yang tinggi dalam aktiviti harian. Pihak pengurusan LYK telah melaksanakan pendekatan yang sistematik dan profesional dalam semua aspek seperti perancangan, kawalan dan koordinasi keseluruhan dalam memastikan perjalanan kerja yang lancar.

Adalah menjadi polisi syarikat untuk memberi dan memastikan pekerja menerima keselamatan, kesihatan dan persekitaran kerja yang baik. Oleh itu, syarikat telah memperkenalkan dan menggunakan pernyataan keselamatan, kesihatan dan persekitaran secara berterusan untuk mengaudit dan mengkaji keperluan-keperluan keselamatan dan kesihatan.


1.3 Pernyataan Masalah

Bilangan kemalangan yang berlaku di negara ini meningkat saban hari menurut Laporan Tahunan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pada tahun 2012. Pada tahun 2012, sebanyak 61,552 kes kemalangan dilaporkan iaitu meningkat sebanyak 1,655 kes atau 2.76% berbanding 59,897 kes pada 2011 (Rujuk Jadual 1.1 dan Rajah 1.1).

Jadual 1.1

Bilangan Kemalangan Dilaporkan 2011-2012

Jenis kemalangan dilaporkan	2011	2012
Kemalangan perusahaan	35,088	35,296
Kemalangan semasa perjalanan	24,809	26,256
Jumlah bilangan kemalangan	59,897	61,552



Rajah 1.1
Bilangan Kemalangan Dilaporkan 2008-2012

Dari keseluruhan jumlah kemalangan dilaporkan, kemalangan perusahaan telah menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 208 kes atau 0.59% iaitu dari 35,088 kes pada 2011 kepada 35,296 kes pada 2012. Statistik juga menunjukkan peningkatan dalam bilangan kemalangan semasa dalam perjalanan yang berkaitan dengan pekerjaan iaitu sebanyak 1,447 kes atau 5.83% dari 24,809 kes pada 2011 kepada 26,256 kes pada 2012. Secara keseluruhannya, dalam tahun 2012 sebanyak 57.34% kemalangan terjadi di tempat kerja manakala 42.66% pula melibatkan kemalangan semasa perjalanan berkaitan pekerjaan.

Insiden kecederaan dalam sektor pembinaan dan kadar kematian yang lebih tinggi dalam kalangan pekerja pembinaan secara umumnya disebabkan kepada fakta bahawa pembinaan melibatkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan bahaya, persekitaran dan pekerjaan yang berbeza semasa fasa pembinaan (Marshel, 1996).

Oleh itu, amatlah penting bagi menjalankan kajian ini dengan harapan hasil kajian ini dapat membantu pihak kerajaan, majikan dan pekerja merangka polisi-polisi keselamatan di tempat kerja. Hal ini kerana, gelagat keselamatan tempat kerja terutamanya dalam kalangan pekerja pembinaan amat penting untuk dikaji disebabkan oleh risiko kemalangan yang lebih tinggi berbanding pekerja-pekerja dalam sektor-sektor lain.

Kajian ini mengkaji perhubungan dan pengaruh persepsi keselamatan kerja dengan menggunakan WSS terhadap prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja pembinaan di LYK. Kajian mengenai keselamatan di tempat kerja yang hampir sama dengan kajian ini telah dijalankan oleh Hayes, Perander, Smecko & Trask (1998), yang menguji peranan persepsi terhadap keselamatan di tempat kerja dalam memahami proses berlakunya kemalangan di tempat kerja.

Hasil kajian mendapati isu persepsi terhadap keselamatan di tempat kerja adalah berhubung dengan pengukur kemalangan seperti kadar kemalangan, ketakutan dan pematuhan terhadap gelagat keselamatan. Maka, kajian ini dijalankan bagi menguji dapatan oleh Hayes et al., (1998) berdasarkan situasi dan persekitaran pembinaan di Malaysia.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan-persoalan telah dibangkitkan untuk menjalankan kajian ini yang meliputi persepsi terhadap keselamatan kerja dan prestasi keselamatan akan diukur untuk mendapatkan hasil kajian dan kesimpulan yang sesuai.

Persoalan-persoalan kajian yang dibangkitkan adalah seperti berikut:-

- i. Apakah tahap persepsi keselamatan kerja dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK?
- ii. Adakah terdapat hubungan antara persepsi keselamatan kerja dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK?
- iii. Adakah persepsi keselamatan kerja mempengaruhi prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menguji persepsi keselamatan kerja dengan menggunakan WSS dan hubungannya dengan prestasi keselamatan dan adakah pengukuran persepsi keselamatan menyumbang kepada gelagat keselamatan dalam kalangan pekerja pembinaan. Secara khususnya, kajian ini dijalankan dengan objektif untuk:-

- i. Menentukan tahap persepsi keselamatan kerja dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK
- ii. Mengkaji hubungan antara persepsi keselamatan kerja dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan LYK
- iii. Mengkaji pengaruh persepsi keselamatan kerja terhadap prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK

1.6 Kepentingan Kajian

Dapatan daripada kajian ini mengenai pematuhan keselamatan dapat membantu untuk mengenal pasti persepsi pekerja pembinaan mengenai keselamatan

kerja dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja dalam industri pembinaan yang berpotensi membawa kepada kemalangan, kecederaan, dan maut di tapak pembinaan. Selain itu, dapatan daripada kajian ini juga akan memberikan maklumat proaktif mengenai masalah keselamatan dalam pekerja di industri pembinaan sebelum berlakunya kemalangan yang perlu dianalisis oleh pihak pengurusan untuk program pembangunan keselamatan pekerjaan seperti latihan, bengkel kesedaran, dan sebagainya.

Hasil dan dapatan kajian ini juga akan memberikan maklumat berharga berkaitan dengan persepsi dalam keselamatan, prestasi keselamatan dan gelagat keselamatan dalam industri ini dan boleh digunakan sebagai rujukan dan penanda aras bagi program pembangunan program keselamatan pada masa hadapan dan pemangkin kepada penambahbaikan yang lebih cekap dan berkesan untuk mengurangkan kejadian kemalangan dan kematian yang tidak diingini. Penemuan daripada kajian akan menyediakan rujukan penting dan bukti untuk penyelidik pada masa hadapan yang berminat untuk menjalankan kajian mengenai prestasi keselamatan dan gelagat keselamatan. Sememangnya, penyelidikan yang sama boleh dijalankan dalam industri yang berbeza untuk meningkatkan kestabilan dan kebolehpercayaan kajian.

Selain daripada itu, hasil ini akan membolehkan kerajaan Malaysia kita untuk meyakinkan pekerja untuk meneruskan kerja-kerja pembinaan dengan mengenal pasti masalah keselamatan dalam kalangan pekerja dan mengemukakan penyelesaian atau kaedah pencegahan dengan mengambil kira faktor-faktor yang boleh membawa kepada kemalangan, kecederaan dan kematian. Ini adalah untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja dilindungi. Dengan demikian, sektor

pembinaan di Malaysia akan terus maju dan secara tidak langsung meningkatkan pertumbuhan ekonomi di Malaysia.

1.7 Skop Kajian dan Limitasi Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas pekerja di tapak-tapak pembinaan iaitu di LYK. Penyelidik telah mengenal pasti tapak projek pembinaan yang sedang dijalankan oleh pihak LYK dan responden kajian dipilih secara rawak dalam kalangan pekerja pembinaan tersebut. Penyelidik telah mengenal pasti beberapa limitasi kajian dalam kajian ini. Antaranya ialah kebanyakan pekerja merupakan warga asing dan proses dalam mendapatkan data sedikit terganggu disebabkan oleh masalah komunikasi. Mereka sukar memahami maksud dan kandungan borang soal selidik yang dibangunkan dalam dua bahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

Selain itu, tempoh masa yang diberi kepada penyelidik amat terhad dalam mendapatkan data yang lebih menyeluruh dan kajian yang lebih luas. Data yang diperoleh dalam kajian ini juga hanya tertakluk kepada pekerja di tapak pembinaan dan tidak sesuai digunakan untuk kajian ke atas industri berisiko tinggi yang lain seperti industri minyak dan gas.

1.8 Organisasi Tesis

i. Bab Satu

Bab satu telah membincangkan mengenai pengenalan dan idea-idea dalam kajian ini. Bab ini juga telah membangkitkan permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian dan signifikan kajian ini dijalankan.

ii. Bab Dua

Bab dua membincangkan ulasan ke atas karya dan kajian-kajian terdahulu mengenai persepsi keselamatan kerja dan prestasi keselamatan di tempat kerja. Kajian-kajian yang diulas meliputi kajian-kajian dari dalam dan luar Malaysia.

iii. Bab Tiga

Bab tiga membincangkan reka bentuk kajian, kaedah pensampelan, prosedur pengumpulan data, kaedah analisis data. Selain itu, bab tiga juga menjelaskan instrumen kajian yang dipilih bagi pengukuran pembolehubah.

iv. Bab Empat

Bab empat membincangkan hasil daripada analisis-analisis statistik yang telah dijalankan berdasarkan data yang diperoleh. Antara ujian yang dijalankan ialah ujian kebolehpercayaan, ujian deskriptif dan ujian hubungan antara pembolehubah.

v. Bab Lima

Akhir sekali, bab lima merupakan perbincangan, cadangan dan kesimpulan ke atas kajian berserta dengan implikasi kajian ini

1.9 Rumusan

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pengaruh persepsi keselamatan kerja ke atas prestasi keselamatan di LYK. Latar belakang kajian dan maklumat organisasi dibincangkan dalam bab ini. Selain itu penyelidik turut membincangkan persoalan kajian, objektif kajian, signifikan kajian, skop dan limitasi kajian. Bab seterusnya akan membincangkan ulasan karya mengenai pembolehubah-pembolehubah kajian.

BAB DUA

ULASAN KARYA

Bab ini membicarakan ulasan-ulasan ke atas karya dan kajian terdahulu mengenai gelagat keselamatan di tempat kerja. Ulasan-ulasan juga telah dibuat ke atas faktor-faktor yang mempengaruhi gelagat keselamatan terutamanya ke atas persepsi keselamatan kerja yang merangkumi lima faktor WSS. Karya-karya yang diulas meliputi karya-karya dari dalam dan luar negara.

2.1 Prestasi Keselamatan

Neal, Griffin dan Hart (2000) berhujah bahawa penentu prestasi keselamatan merupakan faktor-faktor yang bertanggungjawab secara langsung terhadap perbezaan individu dalam pematuhan dan penyertaan keselamatan pekerjaan. Campbell, McCloy, Opler dan Sager (1993) berpendapat bahawa hanya terdapat tiga penentu perbezaan individu dalam prestasi. Tiga penentu ini adalah pengetahuan, kemahiran, dan motivasi.


Hesketh dan Neal (1999) menambah bahawa faktor situasi juga kadangkala boleh menghasilkan perbezaan individu dalam prestasi pekerjaan. Bukti-bukti ini menyokong bahawa pengetahuan, kemahiran dan motivasi adalah penentu penting perbezaan individu dalam prestasi pekerjaan merentasi pelbagai konteks. Oleh itu, gelagat keselamatan adalah ditentukan oleh pengetahuan, kemahiran dan motivasi. Pengetahuan, kemahiran dan motivasi pula mempunyai kesan yang berbeza ke atas komponen prestasi pekerjaan yang berbeza. Pengetahuan dan kemahiran keselamatan

mempunyai hubungan yang kuat dengan pematuhan berbanding dengan penyertaan, manakala motivasi keselamatan mempunyai hubungan yang kuat dengan penyertaan keselamatan berbanding dengan pematuhan keselamatan.

Dalam usaha untuk mematuhi prosedur keselamatan, seseorang mesti mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan kerja dengan selamat. Walau bagaimanapun, pengetahuan dan kemahiran mungkin kurang penting untuk penyertaan dalam keselamatan. Motivasi berkemungkinan menjadi lebih penting bagi penyertaan keselamatan daripada pematuhan keselamatan kerana aktiviti penyertaan keselamatan biasanya dari terhasil dari kesanggupan seseorang. Neal dan Griffin (1997) menguji model prestasi keselamatan dan mendapati bahawa pematuhan keselamatan dan penyertaan keselamatan membentuk faktor yang berasingan, dan pengetahuan keselamatan individu telah didapati menjadi pengantara sekurang-kurangnya kepada beberapa hubungan antara iklim keselamatan dan prestasi keselamatan.

Neal et al., (2000) telah menjalankan satu kajian untuk menguji kesan iklim organisasi ke atas iklim keselamatan, dan kesan iklim keselamatan kepada pengetahuan, motivasi dan prestasi individu dalam organisasi. Sampel terdiri daripada 525 pekerja daripada 32 kumpulan kerja di sebuah hospital yang besar di Australia. Persepsi pekerja telah dinilai dengan menggunakan 35 item dari Skala Iklim Organisasi Hart, Griffin, Wearing dan Cooper (1996). Kajian mendapati iklim organisasi mempunyai pengaruh terhadap persepsi iklim keselamatan dan persepsi keselamatan iklim mempengaruhi prestasi keselamatan melalui kesannya terhadap pengetahuan dan motivasi.

Griffin dan Neal (2000) mengemukakan rangka kerja yang melibatkan faktor individu dan organisasi menyumbang kepada prestasi keselamatan (Rajah 2.1). Rangka kerja ini dirangka setelah meninjau penulisan mengenai prestasi kerja terutamanya oleh Borman dan Motowildo (1993) bagi memahami dimensi prestasi. Selain itu mereka turut mengkaji penulisan oleh penyelidik lain seperti Campbell, Gasser dan Oswald (1996) dan Campbell et al., (1993) bagi memahami bagaimana ciri-ciri seperti nilai keselamatan, kesedaran keselamatan, perbezaan individu dan organisasi dan kesannya ke atas pematuhan keselamatan dan penyertaan dalam aktiviti keselamatan.



Rajah 2.1
Model Iklim Keselamatan dan Prestasi Keselamatan (Griffin & Neal ,2000)

Griffin dan Neal (2000) menggunakan terma pematuhan keselamatan dan penyertaan keselamatan untuk menggambarkan perlakuan dan gelagat keselamatan yang menggambarkan keperluan keselamatan kerja serta aktiviti berkaitan keselamatan kerja yang menyumbang kepada keseluruhan prestasi keselamatan.

Pematuhan keselamatan merujuk kepada gelagat keselamatan asas yang perlu dilakukan pekerja dalam mengekalkan keselamatan tempat kerja, seperti memakai peralatan perlindungan peribadi. Bagi menggambarkan gelagat kontekstual berkaitan prestasi keselamatan pula, Griffin dan Neal (2000) menggunakan terma penyertaan keselamatan. Penyertaan keselamatan melibatkan perlakuan berdasarkan budi bicara yang lebih banyak menyumbang keselamatan dalam konteks organisasi di mana pekerja terlibat. Penyertaan keselamatan termasuklah melibatkan dalam aktiviti keselamatan secara sukarela, membantu rakan sekerja, menghadiri mesyuarat keselamatan serta mengingatkan rakan sekerja mengenai aspek keselamatan tanpa melalui protokol keselamatan. Pematuhan dan penyertaan keselamatan diperlukan sebagai domain utama dalam keseluruhan prestasi keselamatan.

Kajian telah mencadangkan bahawa pematuhan keselamatan merujuk kepada gelagat yang dikehendaki dan penyertaan keselamatan merujuk kepada gelagat yang bersifat sukarela (Neal et al., 2000). Berdasarkan perbincangan, penyelidik hanya menggunakan satu dimensi prestasi keselamatan sahaja iaitu pematuhan keselamatan untuk mengukur prestasi keselamatan pekerja pembinaan di LYK. Pematuhan keselamatan merujuk kepada gelagat keselamatan asas yang perlu dilakukan pekerja dalam mengekalkan keselamatan tempat kerja (Griffin & Neal, 2000). Contohnya, menggunakan cermin mata keselamatan, but dan topi keselamatan, mematuhi papan tanda keselamatan dan mengikut semua prosedur keselamatan yang telah ditetapkan.

2.2 Persepsi Keselamatan Kerja

Iklim organisasi telah diketahui menjadi pendahulu prestasi yang penting di tempat kerja (Gyekye & Salminen, 2007). Kedudukan dan struktur persepsi pekerja di

organisasi mereka telah menjejaskan persepsi keselamatan (Neal et al., 2000) dan gelagat kerja (Cooper & Phillips, 2003). Iklim keselamatan dianggap sebagai sub set iklim organisasi dan merujuk kepada set persepsi yang jelas dan jangkaan yang dimiliki oleh pekerja iaitu berkaitan dengan keselamatan dalam organisasi mereka (Neal et al., 2000; Cooper & Phillips, 2003). Persepsi pekerja terhadap iklim keselamatan telah dianggap sebagai panduan utama kepada prestasi keselamatan.

Berdasarkan tinjauan literatur berkenaan persepsi keselamatan kerja menunjukkan bahawa pekerja yang mempunyai persepsi yang negatif terhadap iklim keselamatan (kapasiti kerja yang tinggi dan tekanan kerja) cenderung untuk melibatkan diri dalam perbuatan yang berbahaya dan seterusnya meningkatkan kecenderungan mereka untuk terlibat dalam kemalangan (Hofmann & Stetzer, 1996; Salminen, 1995) seperti yang disebut dalam Gyekye dan Salminen (2007).

Pekerja-pekerja yang merasakan kerja mereka tidak selamat akan meningkatkan tahap kebimbangan dan tekanan telah mempamerkan penurunan motivasi keselamatan dan mencatatkan kadar penglibatan kemalangan yang agak tinggi (Siu, Phillips & Leung, 2004). Sebaliknya, pekerja yang mempunyai persepsi yang positif mengenai keselamatan telah melahirkan kepuasan kerja yang lebih besar dan melaporkan kemalangan yang lebih sedikit.

Salah satu aspek gelagat organisasi yang sangat cenderung untuk mempunyai pengaruh ke atas persepsi pekerja mengenai keselamatan organisasi dan pengaruh gelagat kerja yang selamat adalah prestasi keselamatan. Kajian telah dijalankan untuk melihat prestasi keselamatan daripada pelbagai jangkaan. Walau bagaimanapun,

kajian ini akan mengkaji persepsi keselamatan kerja dengan menggunakan WSS oleh Hayes et al., (1998) yang terdiri daripada lima aspek domain iaitu keselamatan kerja, keselamatan rakan sekerja, keselamatan penyelia, amalan keselamatan pengurusan dan kepuasan terhadap program keselamatan. Selain dari Hayes et al., (1998), Gyekye dan Salminen (2007) turut menggunakan lima dimensi WSS dalam kajian mereka terhadap pekerja industri di Ghana.

2.3 Hubungan antara Persepsi Keselamatan Kerja dan Prestasi Keselamatan

Kajian-kajian lepas menyatakan bahawa sikap dan persepsi pekerja memberi kesan ke atas kelakuan dan gelagat yang akan meningkatkan atau mengurangkan kemungkinan kemalangan untuk berlaku di tempat kerja (Heinrich, 1959; Suchman, 1961; Gillen, Baltz, Gassel, Kirsch, & Vaccaro, 2002). Beberapa kajian telah mengkaji mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi iklim keselamatan di tempat kerja dalam pelbagai industri seperti pembinaan (Dedobbeleer & Beland, 1991; Siu, et al., 2004), perkilangan (Brown & Holmes, 1986), tenaga (Ostrom, Wilhelmsen, & Kaplan 1993; Lee, 1998), penerbangan (Cabrera, Isla, & Vilela, 1997; Isla Diaz & Diaz Cabrera, 1997), pentadbiran lalu lintas (Niskanen, 1994) dan perkhidmatan penjagaan kesihatan (Coyle, Sleman & Adams, 1995). Kajian-kajian ini telah membuktikan bahawa pandangan dan persepsi pekerja mempunyai kesan dan pengaruh yang signifikan ke atas prestasi keselamatan (Suchman, 1961; Coyle et al., 1995; Gillen et al., 2002).

Kajian mengenai keselamatan di tempat kerja yang hampir sama dengan kajian ini telah dijalankan oleh Hayes et al., (1998) yang menguji peranan persepsi

terhadap keselamatan di tempat kerja dalam memahami proses berlakunya kemalangan di tempat kerja. Hasil kajian mendapati isu persepsi terhadap keselamatan di tempat kerja adalah berhubung dengan pengukur kemalangan seperti kadar kemalangan, ketakutan dan pematuhan terhadap gelagat keselamatan.

Kajian Heyes et al., (1998) menggunakan instrumen yang mengandungi 50 item bertujuan menilai persepsi terhadap keselamatan di tempat kerja. Hasil kajian mendapati instrumen yang digunakan telah berjaya mengukur lima konstruk dan dilabelkan sebagai (a) keselamatan kerja (b) keselamatan rakan sekerja (c) keselamatan penyelia (d) amalan keselamatan pengurusan dan (e) polisi dan program keselamatan. Setiap konstruk ini menunjukkan darjah ketekalan dalaman yang tinggi. Bahagian berikut akan membincangkan secara ringkas dan meneroka setiap peramal persepsi keselamatan kerja ke atas prestasi keselamatan.

2.3.1 Keselamatan Kerja dan Prestasi Keselamatan

Zohar (1980) telah menjalankan satu kajian untuk menguji beberapa jenis iklim organisasi dan untuk menguji implikasinya. Sampel terdiri daripada 20 pekerja daripada setiap 20 organisasi perindustrian di Israel. Kajian ini melibatkan satu set soal selidik yang berdasarkan beberapa dimensi: (a) penerimaan pengurusan ke arah keselamatan, (b) penerimaan kesan aplikasi keselamatan ke atas kenaikan pangkat, (c) penerimaan kesan aplikasi keselamatan ke atas status sosial, (d) penerimaan status organisasi ke atas pegawai keselamatan, (e) tanggapan kepentingan dan keberkesanan latihan keselamatan, (f) tanggapan tahap risiko di tempat kerja dan (g) tanggapan keberkesanan penguatkuasaan berbanding bimbingan dalam mempromosikan

keselamatan. Daripada dimensi-dimensi tersebut, 40-item soal selidik telah dibangunkan dengan menggunakan lima Skala *Likert*. Skala terdiri pada 1 (amat tidak bersetuju) hingga 5 (sangat setuju). Soal selidik kemudiannya dihantar secara rawak kepada lima kilang. Kilang-kilang tersebut terdiri dari empat kategori iaitu fabrikasi logam, pemprosesan makanan, industri kimia dan industri tekstil. Dua hipotesis telah dirangka dari kesusasteraan iklim organisasi dan karya amalan keselamatan pengurusan.

Penemuan kajian memenuhi hipotesis pertama yang menunjukkan bahawa loji kimia mempunyai skor iklim keselamatan yang paling tinggi diikuti oleh pemprosesan logam, kilang tekstil dan kilang pemprosesan makanan mempunyai skor yang terendah di kalangan semua. Tanggapan kepentingan keselamatan kepada gelagat kerja didapati paling mempengaruhi tahap iklim keselamatan, diikuti oleh tanggapan pengurusan terhadap keselamatan. Kedua-dua dimensi ini mempunyai pengaruh yang sangat tinggi dalam menyokong hipotesis kedua.

Satu lagi kajian yang dijalankan oleh Gyekye dan Salminen (2004) mengenai penyebab kejadian kemalangan di tempat kerja dalam kalangan pekerja industri di Ghana. Kajian dijalankan ke atas 320 responden bersama-sama dengan penyertaan penyelia mereka. Data telah dikumpulkan dari dua sumber iaitu temu duga dan pengedaran borang soal selidik. Soalan temu duga telah ditadbir secara individu untuk melindungi identiti responden dengan tempoh 15 hingga 20 minit mengikut konteks di mana temu duga dijalankan dan latar belakang pendidikan mereka. Soal selidik pula terdiri daripada 30 soalan dengan menggunakan Skala *Likert* dari 1 (sangat sedikit) hingga 5 (sangat banyak). Soalan-soalan adalah berkenaan penyebab

kemalangan tempat kerja yang merangkumi faktor dalaman dan faktor luaran. Dapatan kajian mendedahkan bahawa kejadian kemalangan kerja adalah disebabkan oleh kesilapan manusia dan faktor-faktor persekitaran dengan kehadiran manusia sebagai faktor utama dalam proses kemalangan di tempat kerja.

2.3.2 Keselamatan Rakan Sekerja dan Prestasi Keselamatan

Salah satu faktor yang mungkin menyumbang kepada pembentukan individu ke arah gelagat keselamatan di tempat kerja adalah faktor sosialisasi. Satu kajian mengenai faktor ini telah dijalankan oleh Mullen (2004) dengan menguji faktor-faktor yang mempengaruhi gelagat keselamatan individu di tempat kerja. Pembolehubah bebas yang dikaji adalah faktor organisasi, prestasi terhadap keselamatan, pengaruh sosial, sikap keselamatan, tanggapan terhadap risiko dilihat dan imej keselamatan. Manakala, pembolehubah bersandar adalah gelagat keselamatan kerja individu. Kajian ini telah dijalankan meliputi pelaksanaan wawancara kira-kira satu jam untuk mendapatkan persepsi keselamatan individu dan pengalaman mereka di tempat kerja.

Dapatan kajian telah mendedahkan bahawa terdapat perbezaan dalam faktor-faktor organisasi dan faktor-faktor sosial menjelaskan mengapa individu-individu terlibat dalam amalan kerja yang tidak selamat. Semua faktor yang telah dikategorikan kepada tema yang sama seperti bebanan kerja, prestasi terhadap keselamatan, pengaruh sosialisasi, sikap keselamatan dan tanggapan terhadap risiko ke atas faktor organisasi. Seperti klasifikasi untuk faktor-faktor sosial, elemen ini terdiri daripada menyembunyikan imej bagi mengelakkan kesan negatif dan takut

kehilangan kedudukan yang baik. Kedua-dua faktor ini adalah disebabkan dari faktor sosialisasi pekerja.

Satu kajian mengenai latar belakang iklim keselamatan yang telah dilakukan oleh Zohar dan Gazit (2008) mengenai kepimpinan transformasi dan analisis kumpulan rangkaian. Sampel kajian terdiri daripada 1,328 askar infantri daripada 45 platun askar infantri dari 5 briged berbeza. Soal selidik telah diedarkan melalui sesi kumpulan di lokasi yang memberi tumpuan terhadap iklim keselamatan, kepimpinan transformasi dan rangkaian sosial sebagai topik yang utama. Hasil kajian ini mendapati bahawa kesan kepimpinan transformasi pada kekuatan iklim keselamatan adalah dari rangkaian komunikasi. Satu lagi penemuan daripada kajian ini mendapati bahawa pemimpin-pemimpin juga mesti sensitif hubungan instrumen harian, pertukaran yang simbolik dan hubungan persahabatan di kalangan ahli-ahli unit. Aktiviti yang menggalakkan hubungan sosial dan persahabatan harus juga diberi tumpuan selain daripada kesan mereka pada keperluan sosial kumpulan.

2.3.3 Keselamatan Penyelia dan Prestasi Keselamatan

Christian, Bradley, Wallace dan Burke (2009) mendefinisikan keselamatan penyelia sebagai sejauh mana individu percaya penyelia mereka menilai keselamatan seperti yang digambarkan dalam komunikasi, galakan, dan akibat. Zohar (2003) telah menjalankan kajian mengenai kesan-kesan dimensi kepimpinan, iklim keselamatan dan keutamaan diberikan kepada kecederaan kecil dalam kumpulan kerja. Tujuan kajian ini adalah bagi menguji hubungan antara iklim keselamatan dan kepimpinan, hasil kajian menunjukkan amalan penyelia sebagai sumber untuk iklim keselamatan

dan keutamaan keselamatan oleh pegawai atasan lebih tinggi mempengaruhi amalan keselamatan penyelia. 411 pekerja pengeluaran di loji pemprosesan logam mengambil bahagian dalam kajian ini. Semua responden telah diserahkan satu set soal selidik iklim keselamatan dan kepimpinan semasa kerja. Soal selidik telah dibina daripada lima elemen yang terdiri daripada tahap iklim keselamatan, kepimpinan, keutamaan keselamatan, tahap risiko dan pernyataan pengalaman kecederaan. Keputusan menunjukkan bahawa transformasi dan membina (kontingen-ganjaran) kepimpinan meramalkan kadar kecederaan di sub unit dan kesan pengantaraan sub skala iklim pencegahan.

Luria, Zohar dan Ereve (2008) telah menjalankan satu kajian untuk menguji kesan penglihatan pekerja mengenai keberkesanan program intervensi. Kajian ini mencadangkan bahawa persepsi pekerja kepada penyelia untuk menentukan interaksi keselamatan yang berkaitan dan gelagat pekerja. Persepsi pekerja dan interaksi penyeliaan boleh diuji melalui pelbagai sudut dan persekitaran terkawal seperti dalam industri pembinaan. Tujuan utama kajian ini adalah untuk menguji kesan persepsi pekerja ke atas campur tangan penyelia. Kajian mendapati bahawa terdapat pengaruh penyeliaan yang tinggi terhadap keselamatan di tempat kerja.

Satu lagi kajian telah dijalankan oleh Caravello (2011) untuk menguji peranan yang dimainkan oleh pemimpin organisasi dalam industri berkaitan tenaga dalam mengurangkan kadar kecederaan. Sampel kajian terdiri daripada 27 responden iaitu 12 penyelia dan 15 pekerja operasi berasaskan tanah sebuah syarikat perkhidmatan minyak di AS. Mereka telah ditemu bual menggunakan borang soal selidik yang dibangunkan sendiri. Data telah dikumpulkan dari dua sumber: (a) pekerja dengan

tempoh untuk sekurang-kurangnya 8 bulan dalam operasi tanah AS, (b) penyelia dengan tempoh untuk sekurang-kurangnya 8 bulan dalam operasi tanah AS. Kajian mendapati kepimpinan mempengaruhi motivasi terhadap keselamatan dan akhirnya memberikan hasil yang baik terhadap keselamatan pekerja.

2.3.4 Amalan Keselamatan Pengurusan dan Prestasi Keselamatan

Amalan keselamatan pengurusan adalah sejauh mana orang menerima bahawa pihak pengurusan menilai keselamatan dan terlibat dalam komunikasi dan tindakan yang menyokong keselamatan (Christian et al., 2009). Gyekye (2006) menjalankan kajian untuk menguji persepsi pekerja terhadap keselamatan di tempat kerja di Afrika. Kajian telah dibangunkan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kemalangan yang dikenal pasti dalam analisis iklim keselamatan. Sebahagian daripada data telah dimasukkan dengan unsur nilai-nilai amalan keselamatan pengurusan. Sampel terdiri daripada 320 pekerja perindustrian Ghana. Data telah dikumpulkan melalui temu bual soal selidik mengikut latar belakang pendidikan responden.

Kajian menunjukkan bahawa kebajikan keselamatan pekerja adalah teruk dalam semua isu-isu keselamatan. Para pekerja tidak diberi ganjaran ataupun dipuji kerana kerja mereka dan masalah keselamatan juga kurang diambil berat. Kajian ini menyimpulkan bahawa punca utama kemalangan telah dipengaruhi oleh pihak pengurusan keselamatan yang teruk. Pengurusan keselamatan pekerja yang lemah akan mengurangkan kepuasan kerja yang kemudian akan menyebabkan kadar kemalangan industri yang lebih tinggi.

Terkini, satu kajian telah dilakukan untuk mengkaji tahap amalan keselamatan pengurusan dalam budaya keselamatan berjaya mengurangkan kecederaan di tempat kerja (Hassan, Nor Azimah Chew & Subramaniam, 2009). Sampel terdiri daripada 68 daripada 950 syarikat-syarikat di Malaysia telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Hasilnya, hanya komunikasi dan penyertaan maklum balas dan pekerja telah ketara menyumbang kepada kadar kecederaan. Kajian ini juga mencadangkan bahawa maklum balas yang biasa tentang keselamatan boleh mengurangkan kadar kecederaan dalam sesebuah organisasi.

2.3.5 Kepuasan Terhadap Program Keselamatan dan Prestasi Keselamatan

Satu kajian telah dijalankan oleh Sinclair et al., (2003) untuk menyokong fakta bahawa keberkesanan latihan boleh mengurangkan kadar kecederaan di tempat kerja. Seramai 137 pekerja telah dipilih untuk kajian nominal dan 159 pengurus telah dipilih untuk analisis pengetahuan daripada tiga syarikat terpilih. Tujuan kajian ini adalah untuk menguji sejauh mana latihan dikaitkan dengan tahap pengetahuan dan sejauh mana kedua-dua latihan dan pengetahuan berkaitan kepada tuntutan kecederaan dalam tiga syarikat perkhidmatan makanan. Kajian mendapati bahawa latihan keselamatan berhubung mempunyai hubungan yang signifikan dalam mengurangkan kadar kemalangan.

Satu lagi kajian oleh Burke et al., (2006) telah menjalankan kajian untuk menentukan keberkesanan relatif kaedah yang berbeza dalam keselamatan pekerja dan latihan kesihatan untuk meningkatkan pengetahuan keselamatan dan prestasi dalam usaha untuk mengurangkan kemalangan, penyakit dan kecederaan. Latihan

yang melibatkan model gelagat, amalan latihan yang cukup, dan dialog umumnya adalah lebih berkesan daripada kaedah lain dalam latihan keselamatan dan kesihatan. Kajian mendapati keberkesanan pada latihan akan meningkatkan pengetahuan dan mengurangkan kemalangan dengan ketara.

2.4 Rumusan

Terdapat banyak teori dan pengukuran (Hayes et al., 1998 & Mullen, 2004) yang berguna untuk menguji persepsi terhadap keselamatan dari perspektif pekerja dan ini akan memberikan penentu yang baik mengenai keselamatan di tempat kerja. Bab seterusnya, iaitu Bab tiga membincangkan kaedah-kaedah yang akan digunakan sepanjang kajian ini dijalankan termasuklah rangka kerja konseptual telah direka berdasarkan kajian literatur di atas.


BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

Bab ini membincangkan kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian. Perbincangan dalam bab ini meliputi reka bentuk kajian, kaedah pengutipan data, instrumen kajian, teknik dan kaedah analisis data.

3.1 Kerangka Konseptual

Rangka kerja penyelidikan untuk mengkaji hubungan antara persepsi keselamatan dan prestasi keselamatan telah dibangunkan dan digambarkan pada Rajah 3.1.



Rajah 3.1
Kerangka Konseptual

Dalam kajian ini, pembolehubah bebas yang dikaji ialah persepsi keselamatan yang diwakili oleh keselamatan kerja, keselamatan rakan sekerja, keselamatan penyelia, amalan keselamatan pengurusan, program dan polisi keselamatan. Manakala prestasi keselamatan merupakan pembolehubah bersandar.

3.2 Pembangunan Hipotesis

Hipotesis yang berkaitan dengan pembolehubah kajian akan dibangunkan dan diterangkan dalam bahagian ini. Hipotesis ini dibangunkan berdasarkan dimensi WSS iaitu keselamatan kerja, keselamatan rakan sekerja, keselamatan penyelia, amalan keselamatan pengurusan dan program dan polisi keselamatan sebagai pembolehubah bebas bersama dengan pembolehubah bersandar iaitu prestasi keselamatan. Hipotesis ini digunakan untuk mengukur hubungan yang signifikan di antara kesemua pembolehubah dan untuk melihat hasil sumbangan pembolehubah kajian. Berdasarkan perbincangan di ulasan karya, hipotesis kajian yang dibentuk ialah:-

H₀1: Terdapat hubungan yang signifikan di antara keselamatan kerja dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK

Mengenai keselamatan kerja, pekerja yang mempunyai persepsi sokongan yang rendah secara signifikan mempunyai persepsi terhadap pekerjaan mereka untuk menjadi lebih berbahaya daripada rakan-rakan mereka dengan persepsi yang tinggi. Secara signifikan, mereka menganggap tugas kerja mereka sebagai berbahaya, selamat, berbahaya, berisiko, tidak sihat, tidak selamat, dan menakutkan. Dengan andaian tersebut, mereka merasakan mereka boleh tercedera, dan bimbang tentang kesihatan dan kematian mereka (Gyekye & Salminen, 2007).

H₀₂: Terdapat hubungan yang signifikan di antara keselamatan rakan sekerja dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK

Mengenai keselamatan rakan sekerja, pekerja yang mempunyai persepsi yang lebih tinggi secara signifikan menyedari dan menghargai sumbangan rakan sekerja mereka terhadap keselamatan. Berbeza dengan rakan-rakan mereka dengan persepsi sokongan yang lebih rendah, mereka melihat bagaimana rakan sekerja mereka cenderung untuk memberi perhatian kepada peraturan keselamatan, mengikut undang-undang keselamatan, memerhatikan keselamatan orang lain, menggalakkan pekerja lain untuk mematuhi keselamatan, mengambil peluang terhadap keselamatan, menjaga kawasan kerja dengan bersih, menjadi seorang yang berorientasikan keselamatan. Manakala pekerja yang mempunyai persepsi relatif menyokong yang lebih rendah terutamanya kepada ciri-ciri keselamatan negatif rakan sekerja mereka mengetepikan peraturan keselamatan dan tidak mengambil berat tentang keselamatan orang lain (Gyekye & Salminen, 2007).

H₀₃: Terdapat hubungan yang signifikan di antara keselamatan penyelia dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK

Mengenai penilaian keselamatan penyelia, pekerja yang mempunyai persepsi sokongan yang lebih tinggi secara signifikan melihat penyelia mereka lebih aktif dan menyokong keselamatan di tempat kerja berbanding rakan sekerja yang memiliki persepsi sokongan yang rendah. Mereka menunjukkan bagaimana penyelia mereka cenderung untuk memuji gelagat kerja yang selamat, menggalakkan gelagat yang selamat, selalu memaklumkan pekerja tentang keselamatan, memberi ganjaran kepada

gelagat yang selamat, melibatkan pekerja dalam menetapkan matlamat keselamatan, membincangkan isu-isu keselamatan dengan pekerja yang lain, mengemas kini peraturan keselamatan, melatih pekerja untuk bekerja secara selamat, menguatkuasakan peraturan keselamatan, dan bertindak atas cadangan keselamatan (Gyekye & Salminen, 2007).

H₀4: Terdapat hubungan yang signifikan di antara amalan keselamatan pengurusan dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK

Pekerja yang mempunyai persepsi sokongan lebih tinggi lebih berpuas hati dengan komitmen dan sumbangan pengurusan terhadap keselamatan mereka daripada rakan sekerja lain yang mempunyai sokongan yang rendah. Mereka menunjukkan bagaimana pengurusan menyediakan program keselamatan secukupnya, menjalankan pemeriksaan keselamatan yang kerap, menyiasat masalah keselamatan, memberi ganjaran kepada pekerja yang selamat, menyediakan peralatan yang selamat, menyediakan persekitaran kerja yang selamat, bertindak balas dengan cepat kepada kebimbangan mengenai keselamatan, membantu mengekalkan kawasan yang bersih, menyediakan maklumat keselamatan, dan pekerja akan selalu diberitahu tentang keadaan bahaya (Gyekye & Salminen, 2007).

H₀5: Terdapat hubungan yang signifikan di antara kepuasan terhadap program keselamatan dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK

Pada sub skala amalan keselamatan, pekerja dengan perspektif sokongan organisasi yang lebih tinggi secara signifikan nyata berpuas hati dengan prosedur

keselamatan organisasi mereka berbanding rakan sekerja mereka yang mempunyai persepsi yang lebih rendah. Mereka menganggap program-program keselamatan mereka adalah berbaloi, berguna, kadar utama, penting, dan berkesan dalam mengurangkan kemalangan dan membantu untuk mencegah kemalangan. (Gyekye & Salminen, 2007).

3.3 Reka bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian dengan reka bentuk kuantitatif. Menurut Sekaran (2005), secara umumnya kajian kuantitatif adalah mendapatkan data melalui item-item berstruktur. Melalui kaedah ini pengkaji dapat mengukur faktor WSS dan prestasi keselamatan serta hubungan dan pengaruh antara pembolehubah-pembolehubah tersebut. Kajian ini dibuat menggunakan soal selidik iaitu salah satu kaedah yang paling popular digunakan dalam kalangan penyelidik. Kaedah ini juga dipilih kerana mudah ditadbir dan juga menjimatkan masa, kos dan tenaga. Soal selidik ini ditadbir sendiri oleh pengkaji dengan cara mengedarkan soal selidik kepada responden di tempat pengkaji bekerja.

3.4 Definisi Operasional

3.4.1 Prestasi Keselamatan

Griffin dan Neal (2000) menggunakan terma pematuhan keselamatan yang mewakili prestasi keselamatan merujuk kepada gelagat keselamatan asas yang perlu dilakukan pekerja dalam mengekalkan keselamatan tempat kerja. Contohnya,

menggunakan cermin mata keselamatan, but dan topi keselamatan, mematuhi papan tanda keselamatan dan mengikut semua prosedur keselamatan yang telah ditetapkan.

3.4.2 Persepsi Keselamatan Kerja

Kajian ini akan mengkaji persepsi keselamatan kerja dengan menggunakan WSS oleh Hayes et al., (1998) yang terdiri daripada lima aspek domain iaitu keselamatan kerja, keselamatan rakan sekerja, keselamatan penyelia, amalan keselamatan oleh pengurusan dan kepuasan terhadap program dan polisi keselamatan.

3.5 Pengukuran Pembolehubah

Dalam kajian, penyelidik menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data daripada responden. Soal selidik yang digunakan adalah berdasarkan kajian-kajian lalu yang telah dijalankan iaitu dari Hayes et al., (1998). Secara amnya, terdapat dua pengukuran dalam soal selidik yang digunakan iaitu pengukuran kepada WSS dan pematuhan kepada keselamatan. Soal selidik yang digunakan terbahagi kepada tiga bahagian.

Bahagian A merupakan item-item mengenai latar belakang responden yang terlibat meliputi jantina, umur, warganegara, pengalaman kerja, pengalaman dalam kemalangan di tempat kerja dan kekerapan mengikuti latihan keselamatan. Bahagian B hingga Bahagian F pula merangkumi 50 item mengenai WSS dan bahagian terakhir iaitu Bahagian G adalah 11 item mengenai pematuhan keselamatan.

3.5.1 Prestasi Keselamatan

Prestasi keselamatan diukur menggunakan 11 item berdasarkan kajian dari Hayes et al., (1998). Item-item tersebut dikemukakan dengan menggunakan lima skala jawapan iaitu 1 (tidak pernah), 2 (jarang-jarang), 3 (kadang-kadang), 4 (kerap) dan 5 (amat kerap). Jadual 3.1 menunjukkan senarai item-item pengukuran pematuhan keselamatan mewakili prestasi keselamatan yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 3.1
Item-item Pengukuran Prestasi Keselamatan

	Jumlah Item
Pematuhan Keselamatan	11
1. Saya terlepas pandang prosedur keselamatan agar tugas dapat diselesaikan dengan lebih cepat. (<i>I overlook safety procedures in order to get job done more quickly</i>).	
2. Saya mematuhi segala prosedur keselamatan tanpa mengendahkan situasi yang sedang dihadapi. (<i>I follow all safety procedures regardless of the situation I am in</i>).	
3. Saya menangani semua situasi dengan andaian kemalangan akan berlaku. (<i>I handle all situations as if there is a possibility of having an accident</i>).	
4. Saya menggunakan semua alat keselamatan seperti yang ditetapkan. (<i>I wear safety equipment required by practice</i>).	
5. Saya memastikan kawasan tempat kerja bersih. (<i>I keep my work area clean</i>).	
6. Saya menggalakkan rakan-rakan sekerja agar bekerja dengan selamat. (<i>I encourage co-workers to be safe</i>).	
7. Saya memastikan semua peralatan kerja berada dalam keadaan selamat. (<i>I keep my work equipment in safe working condition</i>).	
8. Saya tidak begitu mengendahkan perilaku selamat agar kerja dapat diselesaikan dengan segera. (<i>I take shortcuts to safe working behaviours in order to get the job done faster</i>).	
9. Saya tidak mematuhi peraturan keselamatan yang saya rasa tidak perlu. (<i>I do not follow safety rules that I think are unnecessary</i>).	
10. Saya melapor kepada penyelia masalah keselamatan apabila saya menemuinya. (<i>I report safety problems to my supervisor when I see safety problem</i>).	
11. Saya membetulkan masalah keselamatan bagi memastikan kemalangan tidak berlaku. (<i>I correct safety problems to ensure accidents will not occur</i>).	

3.5.2 Persepsi Keselamatan Kerja

Persepsi keselamatan kerja diukur dengan menggunakan 50 item yang dibangunkan oleh Hayes et al., (1998) iaitu Skala Keselamatan Kerja (WSS). Responden diminta untuk menyatakan persetujuan mereka terhadap item-item tersebut berdasarkan lima skala jawapan iaitu 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (tidak pasti), 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju). Item-item terlibat adalah seperti dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2

Item-item Pengukuran Skala Keselamatan Kerja (WSS)

	Jumlah Item
Keselamatan Kerja	10
1. Kerja saya berbahaya (<i>My job is dangerous</i>)	
2. Kerja saya selamat (<i>My job is safe</i>)	
3. Kerja saya mengundang ancaman (<i>My job is hazardous</i>)	
4. Kerja saya berisiko (<i>My job is risky</i>)	
5. Kerja saya tidak menyihatkan (<i>My work is unhealthy</i>)	
6. Dalam kerja saya, saya mudah tercedera (<i>I could get hurt easily in my job</i>)	
7. Kerja saya tidak selamat (<i>My job is unsafe</i>)	
8. Semasa melakukan kerja saya, saya bimbang kesihatan saya akan terjejas (<i>I fear for my health in my job</i>)	
9. Saya terdedah pada kematian dalam kerja saya (<i>There is a chance of death in my job</i>)	
10. Kerja saya menakutkan (<i>My job is scary</i>)	
Keselamatan Rakan Sekerja	10
1. Mengabaikan peraturan keselamatan (<i>Ignore safety rules</i>).	
2. Tidak mempedulikan keselamatan orang lain (<i>Don't care about others' safety</i>)	
3. Memberi perhatian pada peraturan keselamatan (<i>Pay attention to safety rules</i>)	
4. Mematuhi peraturan keselamatan (<i>My co-workers follow safety rules</i>)	
5. Mengambil berat keselamatan orang lain (<i>My co-workers look out for others' safety</i>)	
6. Menggalakkan orang lain bekerja dengan selamat (<i>Encourage others to be safe</i>)	
7. Tidak menitikberatkan soal keselamatan (<i>Take chances with safety</i>)	
8. Memastikan tempat kerja bersih (<i>Keep work area clean</i>)	

9. Berorientasikan keselamatan (<i>Safety-oriented</i>)	
10. Tidak menumpukan perhatian semasa bekerja (<i>Don't pay attention at work</i>)	
Keselamatan Penyelia	10
1. Memuji peri laku kerja yang selamat (<i>Praises safe work behaviours</i>)	
2. Menggalakkan peri laku selamat (<i>Encourage safe behaviours</i>)	
3. Sentiasa memaklumkan peraturan keselamatan kepada pekerja (<i>Keep workers informed of safety rules</i>)	
4. Memberi ganjaran terhadap peri laku selamat (<i>Rewards safe behaviours</i>)	
5. Melibatkan pekerja dalam menetapkan matlamat keselamatan (<i>Involves workers in setting safety goals</i>)	
6. Berbincang isu keselamatan dengan orang lain (<i>Discusses safety issues with others</i>)	
7. Mengemas kini peraturan keselamatan (<i>Updates safety rules</i>)	
8. Memberi latihan keselamatan kepada pekerja (<i>Trains workers to be safe</i>)	
9. Menguat kuasa peraturan keselamatan (<i>Enforces safety rules</i>)	
10. Mengambil tindakan cadangan keselamatan (<i>Acts on safety suggestions</i>)	
Amalan Keselamatan Pengurusan	10
1. Menyediakan program-program keselamatan yang mencukupi (<i>Provide enough safety programs</i>)	
2. Sering membuat pemeriksaan keselamatan (<i>Conduct frequent safety inspections</i>)	
3. Segera menyiasat masalah keselamatan (<i>Investigates safety problems quickly</i>)	
4. Memberikan ganjaran kepada pekerja yang bekerja secara selamat (<i>Rewards safe workers</i>)	
5. Menyediakan alat keselamatan (<i>Provides safe equipment</i>)	
6. Menyediakan tempat kerja yang selamat (<i>Provide safe working conditions</i>)	
7. Cepat bertindak balas terhadap perkara-pekerja yang berkait dengan keselamatan (<i>Respond quickly to safety concerns</i>)	
8. Sentiasa membantu mengekalkan kebersihan tempat kerja (<i>Helps maintain clean work area</i>)	
9. Menyediakan maklumat berkaitan keselamatan (<i>Provides safety information</i>)	
10. Sentiasa mewar-warkan keadaan berbahaya kepada pekerja (<i>Keeps workers informed of hazards</i>)	
Program dan Polisi Keselamatan	10
1. Bermanfaat (<i>Worthwhile</i>)	
2. Membantu mencegah kemalangan (<i>Helps prevent accident</i>)	
3. Berfaedah (<i>Useful</i>)	
4. Bagus (<i>Good</i>)	
5. Terbaik (<i>First-rate</i>)	

-
6. Tidak jelas (*Unclear*)
 7. Penting (*Important*)
 8. Berkesan mengurangkan kecederaan (*Effective in reducing injuries*)
 9. Tidak boleh dilaksanakan di tempat kerja saya (*Doesn't apply to my workplace*)
 10. Tidak berfaedah (*Does not work*)
-

3.5.3 Kajian Rintis dan Ujian Kebolehpercayaan

Kajian rintis dijalankan sebelum kajian sebenar dilakukan. Kajian rintis merupakan satu aktiviti yang penting bagi setiap kajian tinjauan untuk mengenal pasti keberkesanan instrumen kajian, kaedah pentadbiran kajian, dan kesesuaian kaedah analisis sebelum menjalankan kajian sebenar bagi mendapatkan data yang tepat (Sekaran, 2005). Terdapat beberapa tujuan kajian rintis dijalankan antaranya adalah pengkaji ingin memastikan bahawa bahasa dan struktur ayat yang digunakan dalam soal selidik ini boleh difahami oleh responden. Di samping itu, kajian rintis dijalankan juga bertujuan untuk memastikan pernyataan yang dikemukakan dalam soal selidik ini menepati dengan pengalaman responden. Bagi memastikan objektif dalam kajian ini tercapai, kajian rintis dilakukan juga adalah untuk memastikan bahawa item-item yang dikemukakan dalam soal selidik itu dapat menghasilkan jawapan yang dikehendaki oleh pengkaji.

Dalam kajian ini, kajian rintis dijalankan terhadap sampel yang bukan responden dalam kajian sebenar. Seramai 30 orang kakitangan dipilih secara rawak dalam kajian rintis ini. Ini bersesuaian dengan cadangan Mohamad Najib (1999) yang menyatakan bahawa jumlah responden yang diperlukan dalam kajian rintis adalah 10 hingga 30 orang. Bilangan responden ini dianggap mencukupi untuk analisis kesahan

luaran dan indeks kebolehpercayaan soal selidik. Kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 orang rakan sekerja penyelidik. Mereka diminta untuk menjawab dan memberi komen serta pembetulan sekiranya ada bagi setiap item.

Selepas pelaksanaan kajian rintis, data yang diterima telah diproses dengan menggunakan SPSS versi 19.0. Nilai *Cronbach's Alpha* iaitu koefisien atau indeks kebolehpercayaan telah diperoleh terhadap keseluruhan item dalam soal selidik untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan. Di samping itu, nilai *Cronbach's Alpha* bagi setiap dimensi dalam soal selidik juga telah diperoleh untuk menentukan kebolehpercayaan setiap item yang terkandung dalam soal selidik kajian.

Menurut Mohamad Najib (1999), nilai maksimum bagi nilai *Cronbach's Alpha* ialah 1.0. Sekiranya nilai pekali tersebut kurang daripada 0.6, maka boleh dianggap bahawa item dalam soal selidik tersebut mempunyai nilai kebolehpercayaan yang rendah maka item tersebut perlu diubahsuaikan. Penerangan yang lebih lanjut tentang nilai *Cronbach's Alpha* dan tahap kebolehpercayaannya adalah ditunjukkan dalam Jadual 3.3

Jadual 3.3

Julat Nilai Cronbach's Alpha dan Tahap Kebolehpercayaan

Nilai <i>Cronbach's Alpha</i>	Tahap kebolehpercayaan
0.8 – 1.0	Tinggi
0.60 – 0.79	Sederhana
Kurang daripada 0.6	Rendah

Untuk mengukur kebolehpercayaan instrumen, penyelidik telah menjalankan ujian kebolehpercayaan. Kebolehpercayaan instrumen merujuk kepada kebolehan instrumen bagi mendapatkan pengukuran yang konsisten dan stabil. Pengukuran ini

boleh dibuat hasil daripada konsistensi dalaman yang diukur menggunakan nilai *Cronbach's Alpha*. *Cronbach's Alpha* menunjukkan perhubungan yang positif bagi setiap item. Kebolehpercayaan digambarkan berdasarkan nilai pekali kebolehpercayaan antara 0.00 hingga 1.00. Semakin tinggi nilai pekali *Alpha*, maka semakin bagus ujian tersebut. Menurut Zickmund (2010), nilai *Cronbach's Alpha* yang diterima adalah melebihi 0.65.

Bagi tujuan kajian ini, hasil analisis ujian kebolehpercayaan diterangkan dalam Jadual 3.4. didapati bahawa nilai *Cronbach's Alpha* bagi pengukuran faktor kerja ialah 0.845, rakan sekerja ($\alpha = 0.883$), penyeliaan ($\alpha = 0.860$), pengurusan ($\alpha = 0.878$), program dan polisi keselamatan ($\alpha = 0.892$) dan prestasi keselamatan ($\alpha = 0.910$). Nilai *Alpha* bagi setiap pengukuran adalah melebihi 0.65 dan menunjukkan nilai yang boleh diterima.

Jadual 3.4
Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Pengukuran	Bil. Item	<i>Cronbach's Alpha</i>
Faktor Keselamatan Kerja	10	0.845
Faktor Keselamatan Rakan sekerja	10	0.883
Faktor Keselamatan Penyelia	10	0.860
Faktor Amalan Keselamatan Pengurusan	10	0.878
Faktor Program dan Polisi Keselamatan	10	0.892
Prestasi Keselamatan	11	0.910

3.6 Kaedah Pensampelan

Penyelidik telah mengenal pasti tapak-tapak projek pembinaan yang sedang beroperasi dan dijalankan dengan bantuan oleh pihak pengurusan LYK. Terdapat dua projek pembinaan yang sedang dibangunkan oleh LYK iaitu 1) Projek Tambahan

BBraun 3, Bayan Baru, dan 2) Projek Bose System, Batu Kawan. Dengan itu, penyelidik telah memperoleh jumlah populasi iaitu pekerja-pekerja pembinaan yang terlibat dalam dua projek tersebut. Seterusnya, responden dipilih secara rawak dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan tersebut. Asas pemilihan responden kajian adalah berdasarkan kepada jadual pensampelan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

3.7 Kaedah Pengumpulan data

Penyelidik telah menghantar surat kebenaran kepada pihak syarikat yang menjalankan projek-projek pembinaan yang telah dinyatakan. Surat tersebut menerangkan mengenai kajian yang dijalankan dan seterusnya memohon kebenaran untuk menjalankan kajian di kawasan tersebut. Soal selidik yang dicetak diserahkan kepada pekerja melalui penyelia mereka. Penyelia juga diminta untuk membantu pekerja dalam menjawab soal selidik yang telah diserahkan, memandangkan soal selidik tersebut adalah dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris kerana terdapat ramai pekerja tapak pembinaan yang terdiri dari bangsa asing. Masa selama seminggu telah diberikan kepada penyelia untuk mengutip semula soal selidik yang telah diserahkan. Selepas itu, penyelidik mengumpulkan soal selidik yang telah diisi dari penyelia-penyelia terbabit.

3.8 Kaedah Analisis Data

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif. Oleh itu, analisis kuantitatif telah dilibatkan dalam kajian ini. Data yang peroleh diurus dianalisis dengan menggunakan perisian berkomputer yang dikenali sebagai *Statistikal Package*

for Social Science (SPSS) versi 19.0. Secara umumnya, dua kaedah analisis data terlibat dalam kajian ini iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi.

Analisis deskriptif merupakan analisis yang dijalankan bagi menerangkan sifat sesuatu data. Sebagai contoh, taburan responden dan pengiraan purata skor setiap item yang ditanya. Pengiraan statistik yang terlibat adalah frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Analisis inferensi pula merupakan analisis statistik yang lebih mendalam bagi menguji hubungan dan kesan sesuatu pembolehubah kepada pembolehubah yang lain. Dalam kajian ini, dua jenis analisis inferensi yang terlibat adalah korelasi *Pearson* dan ujian regresi berganda.

3.9 Rumusan

Kajian kuantitatif ini menggunakan instrumen yang dibangunkan oleh Hayes et al., (1998), merangkumi 50 item mengenai WSS dan 11 item mewakili prestasi keselamatan. Data diproses dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 19.0. Dapatan kajian daripada analisis yang dijalankan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan graf dalam bab empat.

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bab ini membincangkan hasil analisis dan dapatan kajian berdasarkan data yang dikumpulkan. Pelbagai kaedah analisis yang bersesuaian telah digunakan seperti dalam perbincangan dalam Bab tiga. Hasil analisis ini dipersembahkan dalam bentuk jadual dan rajah bagi meningkatkan pemahaman pembaca. Perbincangan dimulakan dengan latar belakang responden, hasil ujian kebolehpercayaan, ujian deskriptif dan ujian inferensi. Ujian inferensi dijalankan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dibangkitkan.

4.1 Latar Belakang Responden

Daripada 100 soal selidik yang telah dihantar dan dikembalikan, hanya 94 (94%) telah digunakan bagi tujuan analisis. Enam daripadanya telah ditolak selepas mengambil kira bias jawapan, normaliti data dan masalah multikolineariti. Kesemua responden merupakan pekerja am di tapak-tapak projek pembinaan.


4.1.1 Etnik

Bahagian ini merujuk kepada latar belakang responden atau demografi responden yang terlibat dalam kajian iaitu etnik, umur, jawatan dan juga jawatan. Rajah 4.1 dan Jadual 4.1 di bawah menunjukkan kekerapan kumpulan etnik responden kajian. Sebanyak 8.5% etnik Melayu, 4.3% etnik Cina, India pula sebanyak 11.7%. Manakala selebihnya adalah terdiri daripada pekerja asing iaitu bukan warganegara Malaysia.

Jadual 4.1

Jadual Kekerapan Kumpulan Etnik

Etnik		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Melayu	8	8.5	8.5	8.5
	Cina	4	4.3	4.3	12.8
	India	11	11.7	11.7	24.5
	Bukan warganegara	71	75.5	75.5	100.0
	Total	94	100.0	100.0	



Rajah 4.1

Latar Belakang Responden Berdasarkan Kumpulan Etnik


4.1.2 Umur

Rajah 4.2 dan Jadual 4.2 di bawah pula menunjukkan kekerapan umur responden yang terlibat dalam kajian ini. Sebanyak 2.1% responden yang berumur kurang dari 30 tahun. 55.3% pula terdiri daripada responden yang berumur 31 hingga 40 tahun iaitu merupakan kumpulan umur yang paling banyak terlibat dalam kajian ini. Manakala responden yang berumur 41 hingga 50 tahun dan 50 tahun ke atas masing-masing hanya 21.3%.

Jadual 4.2

Jadual Kekerapan Kumpulan Umur

Umur		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Kurang 30 tahun	2	2.1	2.1	2.1
	31 hingga 40 tahun	52	55.3	55.3	57.4
	41 hingga 50 tahun	20	21.3	21.3	78.7
	50 tahun ke atas	20	21.3	21.3	100.0
	Total	94	100.0	100.0	



Rajah 4.2

Latar Belakang Responden Berdasarkan Umur


4.1.3 Jawatan

Berdasarkan analisis yang dibuat, penyelidik memfokuskan hanya kepada pekerja am yang mewakili 100% responden kajian. Sila rujuk Rajah 4.3 dan Jadual 4.3 di bawah.

Jadual 4.3

Jadual Kekerapan Kumpulan Jawatan

Jawatan		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	pekerja am	94	100.0	100.0	100.0




Rajah 4.3
Latar Belakang Responden Berdasarkan Jawatan

4.1.4 Pengalaman Kerja

Seterusnya, Rajah 4.4 dan Jadual 4.4 merumuskan latar belakang responden berdasarkan pengalaman kerja mereka di tapak pembinaan. Lebih separuh daripada mereka (51%) telah bekerja di tapak pembinaan antara 3 hingga 5 tahun. Ini diikuti oleh mereka yang bekerja antara 1 hingga 3 tahun (31%), lebih dari 5 tahun (12%) dan kurang dari 1 tahun 6%).

Jadual 4.4
Jadual Kekerapan Pengalaman Kerja

Pengalaman Kerja					Cumulative
		Frequency	Percent	Valid Percent	Percent
Valid	kurang 1 tahun	6	6.4	6.4	6.4
	1 hingga 3 tahun	29	30.9	30.9	37.2
	3 hingga 5 tahun	48	51.1	51.1	88.3
	lebih 5 tahun	11	11.7	11.7	100.0
	Total	94	100.0	100.0	



Rajah 4.4
Latar Belakang Responden Berdasarkan Pengalaman Kerja

4.2 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif digunakan bagi menentukan tahap kepentingan dan pandangan responden bagi setiap pengukuran atau pembolehubah. Bagi tujuan ini, penyelidik telah mengira purata skor jawapan atau nilai dan menggunakan titik tengah bagi membahagikan tahap pandangan responden kepada rendah, sederhana dan tinggi (Healey, 2005).

Skor min tersebut dikategorikan seperti berikut:

Rendah = 1.00 hingga 2.25

Sederhana = 2.26 hingga 3.75

Tinggi = 3.76 hingga 5.00

4.2.1 Statistik Deskriptif Pembolehubah

Dalam bahagian ini, analisis statistik deskriptif dilakukan untuk mencapai objektif kajian yang pertama iaitu menentukan tahap persepsi keselamatan kerja dan

prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK. Statistik deskriptif seperti nilai min dan sisihan piawai diperoleh dari kedua pembolehubah kajian iaitu persepsi keselamatan kerja dan prestasi keselamatan. Kesemua pembolehubah menggunakan skala *Likert* 1 hingga 5, 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (neutral), 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju). Hasil analisis diterangkan dalam bentuk jadual di bawah.

Jadual 4.5
Statistik Deskriptif

	Statistik Deskriptif				
	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
	Statistik	Statistik	Statistik	Statistik	Statistik
Keselamatan Kerja	94	2.63	5.00	3.9801	.46094
Keselamatan Rakan Sekerja	94	2.30	4.80	3.8660	.43983
Keselamatan Penyelia	94	2.30	5.00	3.6989	.47621
Amalan Keselamatan Pengurusan	94	2.60	5.00	3.7191	.52163
Program Polisi Keselamatan	94	2.10	4.70	3.7287	.49852
Prestasi keselamatan	94	2.27	5.00	3.7650	.50085
Valid N (listwise)	94				

Jadual 4.5 menunjukkan bahawa nilai min tertinggi adalah bagi pembolehubah faktor kerja (min = 3.98, sp = 0.46). Ini menunjukkan bahawa responden berpendapat dan bersetuju kepada kebanyakan pernyataan yang menerangkan faktor kerja dalam keselamatan di tapak pembinaan. Ini diikuti oleh faktor rakan sekerja (min=3.87, sp=0.44), program dan polisi keselamatan (min=3.73, sp= 0.50), pihak pengurusan (min = 3.72, sp = 0.48) dan penyeliaan (min = 3.70, sp = 0.48). Dapat dilihat juga bahawa responden berpuas hati dengan pengukuran prestasi keselamatan di tempat kerja mereka (min = 3.77, sp = 0.50).

Dalam ujian deskriptif ini juga, nilai pekali kecondongan dan kurtosis turut dikeluarkan bagi membuktikan taburan normal data. Menurut Healey (2005), pekali kecondongan dan kurtosis yang menunjukkan taburan normal sesuatu data adalah di bawah +2.00 dan -2.00. Jadual 4.6 turut menunjukkan bahawa nilai pekali kecondongan dan kurtosis bagi setiap pembolehubah adalah di antara +2.00 dan -2.00, membuktikan bahawa data adalah bertabur secara normal.

Jadual 4.6
Nilai Pekali Kecondongan dan Kurtosis

Pembolehubah	Kecondongan	Kurtosis	Tahap
Keselamatan Kerja	-0.011	0.080	Tinggi
Keselamatan Rakan sekerja	-0.698	1.384	Tinggi
Keselamatan Penyelia	-0.425	0.801	Tinggi
Amalan Keselamatan Pengurusan	0.050	-0.142	Tinggi
Program dan Polisi Keselamatan	-0.421	0.194	Tinggi
Prestasi Keselamatan	-0.303	0.893	Tinggi

4.3 Analisis Perhubungan

Ujian korelasi *Pearson* dijalankan bagi menguji perhubungan antara faktor-faktor WSS dan prestasi keselamatan di tapak pembinaan. Ujian korelasi mengira pekali korelasi (r) yang menerangkan tahap hubungan antara pembolehubah. Nilai pekali korelasi adalah antara +1.00 hingga -1.00. Semakin menghampiri +1.00 atau -1.00, maka semakin kuat hubungan antara pembolehubah tersebut. Jadual 4.7 merumuskan hasil analisis korelasi *Pearson* bagi menguji perhubungan antara faktor-faktor WSS dan prestasi keselamatan di tempat kerja.

Jadual 4.7
Hubungan antara Faktor-Faktor WSS dan Prestasi Keselamatan

	Prestasi Keselamatan	
	r	Sig.
Keselamatan Rakan sekerja	0.456	0.000
Keselamatan Penyelia	0.681	0.000
Amalan Keselamatan Pengurusan	0.744	0.000
Program dan Polisi Keselamatan	0.746	0.000
Prestasi Keselamatan	0.804	0.000

Hasil analisis mendapati bahawa wujud hubungan yang signifikan antara semua faktor WSS dan prestasi keselamatan. Butiran hasil analisis ditunjukkan berdasarkan hipotesis yang dibangunkan oleh penyelidik di bab tiga. Penerangan selanjutnya ditunjukkan seperti di bawah.

H₀1: Terdapat hubungan yang signifikan di antara keselamatan kerja dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK

Faktor keselamatan kerja menunjukkan hubungan signifikan yang sederhana dengan prestasi keselamatan di tempat kerja ($r = 0.456$, $p < 0.01$). H₁ tidak dapat ditolak, iaitu terdapat hubungan yang signifikan di antara keselamatan kerja dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK

H₀2: Terdapat hubungan yang signifikan di antara keselamatan rakan sekerja dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK

Manakala faktor keselamatan rakan sekerja ($r = 0.681$, $p < 0.01$) turut berhubungan secara langsung dengan prestasi keselamatan. H₁ tidak dapat ditolak, wujudnya hubungan yang signifikan di antara keselamatan rakan sekerja dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK

H₀3: Terdapat hubungan yang signifikan di antara keselamatan penyelia dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK

Seterusnya, keselamatan penyelia ($r = 0.744$, $p < 0.01$) turut menunjukkan trend hubungan yang sama iaitu perhubungan langsung dengan prestasi keselamatan. H3 gagal ditolak, terdapat hubungan yang signifikan di antara keselamatan penyelia dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK

H₀4: Terdapat hubungan yang signifikan di antara amalan keselamatan pengurusan dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK


Ini diikuti oleh amalan keselamatan oleh pengurusan ($r = 0.746$, $p < 0.01$) yang turut menunjukkan hubungan yang positif. H4 tidak dapat ditolak, terdapat hubungan yang signifikan di antara amalan keselamatan pengurusan dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK

H₀5: Terdapat hubungan yang signifikan di antara program dan polisi keselamatan dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK

Hubungan yang paling kuat adalah antara faktor program dan polisi keselamatan dengan prestasi keselamatan ($r = 0.804$, $p < 0.01$). Faktor ini berhubung secara langsung (positif) dengan prestasi keselamatan. H5 tidak dapat ditolak, terdapat hubungan yang signifikan di antara program dan polisi keselamatan dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK

Dapatan dalam Jadual 4.7 boleh dibuktikan lagi dengan Rajah 4.5 yang menunjukkan kecerunan bagi setiap faktor dalam WSS. Dapat dilihat dengan jelas bahawa kecerunan bagi garis yang mewakili pembolehubah program dan polisi

keselamatan adalah lebih cerun berbanding faktor-faktor lain. Kecerunan bagi garis-garis faktor WSS lain boleh dilihat dengan lebih lanjut dalam Rajah 4.5.



Rajah 4.5
Kecerunan Hubungan antara Faktor-Faktor WSS dan Prestasi Keselamatan

4.4 Pengaruh Faktor WSS ke atas Prestasi Keselamatan

Persoalan kajian terakhir kajian ini ialah bagi menguji bagaimana faktor-faktor WSS mempengaruhi prestasi keselamatan. Bagi tujuan ini, analisis regresi linear telah dijalankan. Hasil kajian diterangkan dalam Jadual 4.8. Hasil ujian mendapati, secara keseluruhannya skala WSS mempengaruhi prestasi keselamatan sebanyak 73.6 peratus ($R^2=0.736$, $F=49.057$, $p<0.01$). Daripada lima faktor WSS, hanya tiga daripadanya yang berjaya menganggar prestasi keselamatan secara signifikan iaitu faktor keselamatan rakan sekerja ($B=0.319$, $t=3.441$, $p<0.01$), keselamatan penyelia ($B=0.233$, $t=2.127$, $p<0.01$) dan program dan polisi keselamatan ($B=0.517$, $t=4.844$, $p<0.01$).

Jadual 4.8

Pengaruh Faktor-Faktor WSS ke atas Prestasi Keselamatan

Pembolehubah	B	t	Sig.
Faktor Keselamatan Kerja	-0.150	-1.902	.060
Faktor Keselamatan Rakan sekerja	0.319*	3.441	.001
Faktor Keselamatan Penyelia	0.233*	2.127	.036
Faktor Amalan Keselamatan Pengurusan	0.039	0.339	.735
Faktor Program dan Polisi Keselamatan	0.517*	4.844	.000
R ²	0.736		
F	49.057		
Sig.	0.000		

4.5 Rumusan Pengujian Hipotesis

Jadual 4.9

Rumusan Pengujian Hipotesis

Bilangan	Hipotesis	Keputusan
H ₀₁	Terdapat hubungan yang signifikan di antara keselamatan kerja dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK	Hipotesis nul diterima
H ₀₂	Terdapat hubungan yang signifikan di antara keselamatan rakan sekerja dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK	Hipotesis nul diterima
H ₀₃	Terdapat hubungan yang signifikan di antara keselamatan penyelia dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK	Hipotesis nul diterima
H ₀₄	Terdapat hubungan yang signifikan di antara amalan keselamatan pengurusan dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK	Hipotesis nul diterima
H ₀₅	Terdapat hubungan yang signifikan di antara kepuasan terhadap program keselamatan dan prestasi keselamatan dalam kalangan pekerja-pekerja pembinaan di LYK	Hipotesis nul diterima

4.6 Rumusan

Bab ini telah menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dibangkitkan di awal perbincangan. Terdapat hubungan yang signifikan bagi semua faktor WSS dengan prestasi keselamatan. Faktor-faktor WSS turut mempengaruhi prestasi keselamatan secara signifikan. Perbincangan yang lebih mendalam mengenai hasil kajian dibuat dalam bab seterusnya.

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Bab lima mengandungi perbincangan mengenai dapatan yang diperoleh termasuklah penerangan mengenai dapatan kajian berserta dengan rumusan kajian. Selain itu, implikasi dan cadangan kajian turut dibincangkan pada bab lima. Bab ini dimulakan dengan rumusan dan latar belakang kepada kajian. Kemudian diikuti oleh perbincangan mengenai keputusan kajian yang meliputi semua keputusan kepada persoalan kajian.

5.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menguji persepsi ke atas WSS yang merangkumi faktor keselamatan kerja, keselamatan rakan sebaya, keselamatan penyelia, amalan keselamatan pengurusan dan program dan polisi keselamatan dan hubungannya dengan prestasi keselamatan di tapak pembinaan yang dijalankan oleh syarikat LYK. Responden kajian ini merangkumi pekerja-pekerja tapak pembinaan yang bekerja dengan syarikat tersebut.

Dengan menguji perhubungan antara WSS dan prestasi keselamatan, ini akan dapat memberi gambaran kepada organisasi untuk meneruskan dan memperbaiki amalan dan prestasi keselamatan di tempat kerja, khususnya di tapak pembinaan. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja. Gyekye (2005) menyatakan bahawa persepsi pekerja terhadap keselamatan akan mempengaruhi mereka untuk mematuhi amalan berkaitan keselamatan di tempat kerja

termasuk memperbaiki kaedah bekerja dan tindakan positif apabila berlaku kemalangan. Hayes et al., (1998) juga menyatakan bahawa individu yang merasakan bahawa tempat kerja mereka selamat akan lebih mematuhi etika keselamatan berbanding mereka yang merasakan tempat kerja mereka kurang selamat.

Responden kajian ini merangkumi pekerja yang bekerja di tapak-tapak pembinaan. Walaupun pelbagai kempen dan inisiatif mengenai keselamatan dan kesihatan pekerja telah dijalankan, statistik terus menunjukkan bahawa masih terdapat pekerja pembinaan yang terkorban atau cedera di tempat kerja setiap tahun (Rampal et al., 2002). Pekerja pembinaan sering kali terdedah kepada kecederaan di tempat kerja memandangkan kerja mereka yang berhadapan dengan pelbagai bahaya dan pelbagai keadaan cuaca kerja semasa pembinaan dijalankan (Marshall, 1996). Persepsi terhadap keselamatan tempat kerja adalah berbeza antara individu. Ini disebabkan setiap individu memiliki pelbagai perbezaan seperti jantina, pengetahuan tentang kerja serta perbezaan tekanan (Stuhlmacher & Cellar, 2001).

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini membincangkan hasil dapatan kajian yang telah diperolehi dengan lebih mendalam.

5.2.1 Tahap Prestasi Keselamatan

Persoalan kajian pertama yang diutarakan adalah mengenal pasti tahap prestasi keselamatan di tapak pembinaan oleh pekerja-pekerja LYK. Kajian ini mendapati

bahawa tahap amalan mereka adalah pada tahap yang tinggi iaitu pada nilai $\min=3.77$ berdasarkan skala satu hingga lima. Perbandingan dengan kajian yang dilakukan oleh Hayes et al., (1998) di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa prestasi keselamatan juga adalah tinggi bagi pekerja organisasi kesihatan. Kajian lain oleh Karuppiiah (2011) terhadap pekerja di organisasi utiliti menunjukkan bahawa tahap prestasi keselamatan turut tinggi antara mereka.

5.2.2 Hubungan antara Faktor WSS dan Prestasi Keselamatan

Dalam kajian ini, perhubungan antara faktor-faktor WSS dan prestasi keselamatan diuji dengan menggunakan ujian korelasi *Pearson*.

i. Faktor Keselamatan Kerja

Kajian mendapati wujud hubungan yang sederhana antara faktor keselamatan kerja dan prestasi keselamatan. Keputusan kajian ini adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh Zohar (1980) dan Gyekye dan Salminen (2004) yang turut mendapati hubungan sederhana yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah. Hal ini mungkin disebabkan oleh pelbagai faktor seperti tahap pendidikan. Gyekye dan Salminen (2004) mendapati bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan dan prestasi keselamatan di tempat kerja. Kajian mereka menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap pendidikan pekerja, maka semakin tinggi tahap prestasi keselamatan.

ii. Faktor Rakan Sekerja

Bagi hubungan antara faktor keselamatan rakan sekerja dan prestasi keselamatan, kajian ini mendapati wujudnya hubungan signifikan yang agak kuat antara pembolehubah. Kajian lalu yang turut mengemukakan hasil yang sama adalah kajian oleh Mullen (2004). Menurut Mullen (2004), rakan sekerja memainkan peranan yang penting dalam menentukan prestasi keselamatan di tempat kerja.

Hasil kajian ini menerangkan bahawa rakan sekerja memainkan peranan yang penting dalam membentuk kumpulan kerja dan mempengaruhi rakan lain supaya mematuhi amalan keselamatan dalam operasi seharian. Oleh itu, faktor ini memberi kesan yang signifikan ke atas prestasi keselamatan. Terdapat hubungan yang istimewa antara pekerja yang saling menjaga keselamatan antara mereka bagi mengelakkan sebarang kemalangan berlaku. Rakan sekerja bertanggungjawab dalam memastikan tapak pembinaan selamat dan dalam keadaan yang baik. Selain itu, mereka turut memainkan peranan yang penting bagi mempengaruhi rakan-rakan lain mematuhi amalan keselamatan.

iii. Keselamatan Penyelia

Faktor lain yang dikaji adalah faktor keselamatan penyelia di tapak pembinaan. Kajian ini mendapati wujud hubungan signifikan yang kuat antara faktor keselamatan penyelia dan prestasi keselamatan di tempat kerja. Dapatan

yang sama boleh didapati dari kajian oleh Zohar (2003), Luria et al., (2008), dan Caravello (2011) yang mendapati bahawa penyelia memainkan peranan yang baik dalam mempengaruhi pekerja mematuhi amalan keselamatan.

Penyelia telah diberikan tanggungjawab dan integriti dalam memastikan pekerja mematuhi peraturan keselamatan terutamanya kepada mereka yang bekerja di tempat yang berisiko seperti di tapak pembinaan. Sebagai seorang ketua, penyelia memainkan peranan yang penting bagi mengawasi dan memastikan peraturan keselamatan diikuti dan dipatuhi.

iv. Amalan Keselamatan Pengurusan

Seterusnya, kajian ini turut mendapati bahawa wujud hubungan dan pengaruh yang kuat antara amalan keselamatan pengurusan dan prestasi keselamatan pekerja-pekerja tapak pembinaan. Dapatan ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Gyekye (2006) and Zohar (1980) yang turut mendapati bahawa pihak pengurusan amat mempengaruhi pekerja ke arah pematuhan keselamatan.

Pihak pengurusan bertanggungjawab memperkenalkan peraturan berkenaan keselamatan dan turut bertanggungjawab menyediakan polisi keselamatan yang perlu dipatuhi oleh pekerja. Kegagalan dalam mematuhi polisi dan peraturan boleh menyebabkan pekerja dikenakan tindakan disiplin atau pembuangan kerja.

v. Program dan Polisi Keselamatan

Faktor terakhir yang dikaji ialah faktor program dan polisi keselamatan yang diamalkan oleh syarikat. Keputusan ujian menunjukkan program dan polisi syarikat paling kuat berhubung dengan prestasi keselamatan di tapak pembinaan. Dapatan kajian ini selari dengan kajian oleh Sinclair et al., (2003) dan Burke et al., (2006) yang menunjukkan keberkesanan program keselamatan akan meningkatkan pengetahuan mengenai keselamatan dan mengurangkan kemalangan di tempat kerja.

Dari aspek kajian ini, syarikat telah menetapkan program dan polisi yang jelas dan perlu dipatuhi oleh pekerja dalam meningkatkan keselamatan mereka seterusnya mengelakkan kemalangan berlaku. Akhirnya, pekerja terutamanya pekerja di tapak pembinaan telah dipengaruhi bagi mematuhi program dan polisi yang telah ditetapkan. Pendekatan yang berkesan dalam memastikan pekerja mematuhi peraturan keselamatan telah dilakukan dan sering di kemas kini oleh syarikat.

5.3 Implikasi

Hasil daripada kajian ini telah memberi beberapa implikasi seperti di bawah.

5.3.1 Implikasi Teoretikal

Kajian ini telah dijalankan bagi menguji hubungan dan kesan persepsi pekerja di tapak pembinaan menggunakan WSS terhadap prestasi keselamatan di tempat

kerja. Terdapat banyak kajian seperti ini telah dilakukan dalam pelbagai industri seperti utiliti, telekomunikasi, perubatan serta agensi kerajaan. Terdapat juga kajian yang telah dijalankan dan mendapati pengaruh dan hubungan yang kuat antara faktor-faktor dalam WSS dengan prestasi keselamatan di tempat kerja. Dengan itu, kajian ini telah mengeluarkan keputusan yang lebih baik dan sah.

Terdapat lima faktor dalam WSS yang telah dikaji iaitu faktor keselamatan kerja, keselamatan rakan sekerja, keselamatan penyelia, amalan keselamatan pengurusan dan program serta polisi keselamatan. Kajian ke atas faktor-faktor ini boleh meningkatkan stabiliti rujukan ke atas kajian pada masa hadapan. Kajian ini akan menjadi amat berharga dan menyumbang kepada nilai akademik berdasarkan kurangnya kajian yang mengkaji tahap keselamatan pekerja di tapak pembinaan di Malaysia.

5.3.2 Implikasi Praktikal

Kajian mengenai prestasi keselamatan bukan sahaja berharga kepada ahli akademik tetapi juga kepada majikan yang menguruskan pekerja pembinaan. Adalah wajib bagi semua majikan dalam mematuhi AKKP (1994), Akta Kilang dan Jentera dan akta-akta lain bagi memastikan peraturan keselamatan dipatuhi seterusnya menjamin keselamatan pekerja. Penambahbaikan dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerja adalah sesuatu yang penting dalam ekonomi negara. Oleh itu, kajian ini perlu bagi mengkaji keberkesanan program dan polisi keselamatan yang diamalkan oleh syarikat.

Dengan menjalankan lebih banyak kajian dalam bidang ini, majikan akan dapat mengenal pasti aspek-aspek dan isu-isu yang penting dalam meningkatkan kualiti kerja dengan menyediakan persekitaran kerja yang lebih selamat. Selain itu, latihan mengenai keselamatan di tempat kerja perlu lebih kerap dilakukan dan maklumat penting berkenaan keselamatan perlu disampaikan kepada pekerja bagi memastikan kesedaran dan amalan keselamatan telah dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Selain itu, kajian ini mendapati pihak pengurusan dan program serta polisi syarikat amat penting dalam prestasi keselamatan. Oleh itu, pengurusan syarikat adalah digalakkan untuk meneruskan kerja kuat mereka dan terus mengamalkan program dan polisi yang lebih baik bagi mencapai kemalangan sifar di tempat kerja dan mewujudkan kawasan kerja yang selamat.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini hanya dijalankan ke atas pekerja di tapak pembinaan yang dijalankan oleh LYK sahaja. Kajian yang lebih menyeluruh perlu dijalankan pada masa hadapan dengan mengambil kira populasi yang lebih besar. Ini akan dapat memberi gambaran yang lebih jelas mengenai situasi sebenar tentang prestasi keselamatan di tempat kerja.

Kajian ini hanya mengkaji hubungan dan kesan WSS terhadap prestasi keselamatan. Kajian pada masa hadapan diharapkan dapat mengkaji faktor-faktor lain yang boleh menyumbang kepada prestasi keselamatan di tempat kerja. Contohnya ialah faktor latar belakang pekerja seperti pendidikan dan negara asal pekerja serta persekitaran tempat kerja dan kepuasan kerja.

Dalam kajian ini, penyelidik hanya menggunakan kaedah soal selidik dalam mendapatkan data. Kajian lanjut dalam bidang ini disarankan menggunakan kaedah lain yang boleh menawarkan data yang lebih mendalam seperti kaedah pemerhatian dan temu ramah.

5.5 Rumusan

Kajian ini telah berjaya menjawab objektif dan persoalan untuk mengkaji pengaruh persepsi keselamatan ke atas prestasi keselamatan terhadap pekerja pembinaan di LYK. Dengan menggunakan instrumen yang sesuai, kajian ini memberikan dapatan yang baik dalam pengukuran prestasi keselamatan. Faktor-faktor persepsi keselamatan kerja didapati berhubung dan mempengaruhi prestasi keselamatan secara langsung. Diharapkan kajian ini dapat menjadi rujukan kepada pelajar, ahli akademik, organisasi dan kerajaan sebagai panduan dalam melaksanakan program dan polisi keselamatan di tempat kerja, khususnya di tapak pembinaan.

RUJUKAN

- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (1994). MDC Publishers Printers Sdn Bhd.
- Borman, W. C., & Motowildo, S. J. (1993). Expanding the criterion domain to include elements of contextual performance. In: Schmitt, N., Borman, W. F. & Associates (Eds.), *Personnel selection in organizations*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Brown, R. L., & Holmes, H. (1986). The use of a factor-analytic procedure for assessing the validity of an employee safety climate model. *Accident Analysis and Prevention*, 18, 445–470.
- Burke, M. J., Sarpy, S. A., Smith-Crowe, K., Chan-Serafin, S., Salvador, R. O., & Islam, G. (2006). Relative effectiveness of worker safety and health training methods. *American Journal of Public Health*, 96(2), 315-324.
- Cabrera, D. D., Isla, R., & Vilela, L. D. (1997). An evaluation of safety climate in ground handling activities. Paper presented at the *Aviation Safety, Proceedings of the IASC-97 International Aviation Safety Conference*, Netherlands.
- Campbell, J. P., Gasser, M. B., & Oswald, F. L. (1996). The substantive nature of performance variability. In: Murphy, K. R. (Ed.), *Individual Differences and Behavior in Organizations*, 258-299. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Campbell, J., McCloy, R., Oppler, S., & Sager, C. (1993.). A theory of performance. In: Schmitt, J., Borman, W.C. & Associates. *Personnel Selection in Organizations*. Jossey-Bass, San Francisco, CA, 35-69.

- Caravello, H. E. (2011). The role of leadership in safety performance and results. *ProQuest*.
- Cooper, M. D. & Phillips, R.A. (2003). Exploratory analysis of the safety climate and safety behaviour. *Journal of Safety Research*, 35, 497–512.
- Coyle, I., Sleeman, S., & Adams, D. (1995). Safety climate. *Journal of Safety Research*, 22, 247-254.
- Christian, M. S., Bradley, J. C., Wallace, J. C., & Burke, M. J. (2009). Workplace safety: a meta-analysis of the roles of person and situation factors. *Journal of Applied Psychology*, 94(5), 1103.
- Dedobbeleer, N., & Beland, F. (1991). A safety climate measure for construction sites. *Journal of Safety Research*, 22, 97–103.
- Diaz, R., & Cabrera, D. (1997). Safety climate and attitude as evaluation measures of organisational safety. *Accident Analysis and Prevention*, 29(5), 643-650.
- Fernandez-Muniz, B., Montes-Peon, J. M., & Vazquez-Ordas, C. J. (2009). Relationship between occupational safety management and firm performance. *Safety Science*, 47(7), 980-991.
- Fung, I. W. (2010). *Annual Report of Safety Management Research Group 2010*. Hong Kong: Department of Building and Construction, Construction Project Management Research Centre.
- Gillen, M., Baltz, D., Gassel, M., Kirsch, L., & Vaccaro, D. (2002). Perceived safety climate, job demands, and co-worker support among union and non-union injured construction workers. *Journal of Safety Research*, 33, 33-51.
- Griffin, M. A., & Neal, A. (2000). Perceptions of safety at work: A framework for linking safety climate to safety performance, knowledge, and motivation. *Journal of Occupational Health Psychology*, 5, 347-358.

- Gyekye, S. (2005). Workers' perceptions of workplace safety and job satisfaction. *International Journal of Occupational Safety and Ergonomics*, 11(3), 291-302.
- Gyekye, S. (2006). Worker's perceptions of workplace safety: an African perspective. *International Journal of Occupational Safety and Ergonomics*, 12, 31-42.
- Gyekye, S. A., & Salminen, S. (2009). Educational status and organizational safety climate: Does educational attainment influence workers' perceptions of workplace safety?. *Safety Science*, 47(1), 20-28.
- Gyekye, A.S., Salminen, S., (2007). Workplace safety perceptions and Perceived Organizational Support: do supportive perceptions influence safety perceptions? *International Journal of Occupational Safety and Ergonomics* 13 (2), 103–114.
- Gyekye, S. A., & Salminen, S. (2004). Causal attributions of Ghanaian industrial workers for accident occurrence. *Journal of Applied Social Psychology*, 34(11), 2324-2340.
- Gyekye, S., & Salminen, S. (2004). Educational status and organizational safety climate: Does educational attainment influence workers' perceptions of workplace safety?. *Safety Science*, 47(1), 20-28.
- Hart, P., Griffin, M., Wearing, A., & Cooper, C. (1996). *Manual for the Queensland Public Agency Staff Survey*. Public Sector Management Commission, Brisbane.
- Hassan, A., Nor Azimah Chew, A., & Subramaniam, C. (2009). Management practice in safety culture and its influence on workplace injury: an industrial study in Malaysia. *Disaster Prevention and Management*, 18(5), 470-477.

- Hayes, B., Perander, J., Smecko, T., & Trask, J. (1998). Measuring perceptions of workplace safety: development and validation of work safety scale. *Journal of Safety Research*, 29, 145-161.
- Healey, M. (2005) Linking research and teaching: disciplinary spaces. In: R. Barnett (Ed.) *Reshaping the University: New Relationships between Research, Scholarship and Teaching*, 30-42. Maidenhead: McGraw-Hill/Open University Press.
- Heinrich, W.P. (1959). *Industrial Accident Prevention*. (4th Ed). New York. McGraw-Hill.
- Hesketh, B. & Neal, A. (1999). Technology and performance. In: Ilgen, D, Pukalos, E., (Eds.) *The Changing Nature of Work Performance: Implications for Staffing, Motivation and Development*. Jossey Bass, San Francisco, CA.
- Isla Dí az R., & Dí az Cabrera D. (1997). Safety climate and attitude as evaluation measures of organizational safety. *Accident Analysis & Prevention*, 29(5), 643-650.
- Karupiah, M. (2011). *Investigating the Influence of Work Safety Scale (WSS) on Safety Behaviour: A Study among Employees of a Utility Company*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Krejcie, R., & Morgan, D. (1970). Determining sample for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Lee, T. (1998). Assessment of safety culture at a nuclear reprocessing plant. *Work and Stress*, 12, 217 - 237
- Luria, G., Zohar, D., & Erev, I. (2008). The effect of workers visibility on effectiveness of intervention programmes: supervisory-based safety interventions. *Journal of Safety Research*, 39(3), 273-280.

- Marshall, R. (1996). Construction safety. *Occupational Safety and Health in Malaysia*. 43-54.
- Mohamad Najib A. G. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia
- Mullen, J. (2004). Investigating factors that influence individual safety behaviour at work. *Journal of Safety Research*, 35, 275-285.
- Neal, A., & Griffin, M. (1997). . Perceptions of safety at work: Developing a model to link organizational safety climate and individual behaviour. St. Louis, MO: Paper presented to the *12th Annual Conference of the Society for Industrial and Organizational Psychology*.
- Neal, A., Griffin, M., & Hart, P. (2000). The impact of organizational climate on safety climate and individual behaviour. *Safety Science*, 34, 99-109.
- Niskanen, T. (1994). Safety climate in the road administration. *Safety Science*, 17, 237-255.
- Ostrom, L., Wilhelmsen, C., & Kaplan, B. (1993). Assessing safety culture. *Nuclear Safety*, 34(2), 163 - 172
- Persatuan Kerja Sosial. (2013). *Laporan Tahunan Persatuan Kerja Sosial (PERKESO) 2012*. Akses pada 2 February 2013, daripada <http://www.perkeso.gov.my>.
- Rampal, K., Aw, T., & Jefferelli, S. (2002). Occupational health in Malaysia. In: LaDou J (Ed). *Occupational Medicine in Industrial Countries*. Hanley & Belfus, Inc, 409-425.
- Sekaran, U. (2005). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach* (4th Ed). NY: John Wiley & Sons, Inc.

- Sinclair, R., Smith, R., Colligan, M., Prince, M., Nguyen, T., & Stayner, L. (2003). Evaluation of a safety training programme in three food service companies. *Journal of Safety Research*, 34, 547-558.
- Siu, O. L., Phillips, D. R., & Leung, T. W. (2004). Safety climate and safety performance among construction workers in Hong Kong: the role of psychological strains as mediators. *Accident Analysis & Prevention*, 36(3), 359-366.
- Stuhlmarcher, A. F., & Cellar, D. F. (2001). *Workplace Safety: Individual Differences in Behavior*. Routledge: Haworth Pr Inc.
- Suchman, Edward A. (1961). A Conceptual analysis of the accident phenomenon. *Social Problems*, 241-253.
- Takala, J. (1999). Global estimates of fatal occupational accidents. *Epidemiology*, 10(5), 640-646.
- Zohar, D. (2003). The effects of leadership dimensions, safety climate and assigned priorities on minor injuries in work groups. *Journal of Organizational Behavior*, 23(1), 75-92.
- Zohar, D., & Gazit, O. T. (2008). Transformational leadership and group interaction as climate antecedents: a social network analysis. *Journal of Applied Psychology*, 93(4), 744-757.
- Zohar, D. (1980). Safety climate in industrial organisations: theoretical and applied implications. *American Psychological Association*, 65 (1), 96-102.

LAMPIRAN

--	--	--



SEKOLAH SISWAZAH OTHMAN YEOP ABDULLAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

QUESTIONNAIRE FORM

***PENGARUH PERSEPSI KESELAMATAN KERJA KE ATAS
PRESTASI KESELAMATAN: KAJIAN KE ATAS PEKERJA
PEMBINAAN LYK ENTERPRISE SDN BHD***

Tuan/Puan,

Soal selidik bertujuan bagi menilai Persepsi Keselamatan Kerja dan Prestasi Keselamatan di tapak pembinaan. Kerjasama dan jasa baik tuan/puan amatlah diharapkan bagi menjawab soal selidik ini berdasarkan pandangan peribadi tuan/puan. Semua maklumat yang diperolehi dalam soal selidik adalah RAHSIA dan hanya akan digunakan untuk tujuan ilmiah sahaja.

Terima kasih atas kerjasama anda.

Yang benar,

Chandransegran

(CHANDRASEGRAN A/L GANESON)

Matrik No: 809050

Pelajar MSc, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Sintok, Kedah

BAHAGIAN A: DEMOGRAFI

Sila tandakan (/) pada petak yang berkenaan

1. Umur:

☐	30 tahun ke bawah
☐	31 hingga 40 tahun
☐	41 hingga 50 tahun
☐	50 tahun ke atas

2. Jawatan:

☐	Pekerja Am
☐	Penyelia
☐	Lain-lain

3. Pengalaman Kerja:

☐	Kurang 1 tahun
☐	1 hingga 3 tahun
☐	3 hingga 5 tahun
☐	Lebih dari 5 tahun

BAHAGIAN B: KESELAMATAN KERJA

Sila bulatkan pada petak berkenaan bagi menerang dan menggambarkan **pekerjaan** anda anda berdasarkan skala berikut:

1: Sangat tidak setuju

2: Tidak Setuju

3: Neutral

4: Setuju

5: Sangat Setuju

1. Kerja saya berbahaya (<i>My job is dangerous</i>)	1	2	3	4	5
2. Kerja saya selamat (<i>My job is safe</i>)	1	2	3	4	5
3. Kerja saya mengundang ancaman (<i>My job is hazardous</i>)	1	2	3	4	5
4. Kerja saya berisiko (<i>My job is risky</i>)	1	2	3	4	5
5. Kerja saya tidak menyihatkan (<i>My work is unhealthy</i>)	1	2	3	4	5
6. Dalam kerja saya, saya mudah tercedera (<i>I could get hurt easily in my job</i>)	1	2	3	4	5
7. Kerja saya tidak selamat (<i>My job is unsafe</i>)	1	2	3	4	5
8. Semasa melakukan kerja saya, saya bimbang kesihatan saya akan terjejas (<i>I fear for my health in my job</i>)	1	2	3	4	5
9. Saya terdedah pada kematian dalam kerja saya (<i>There is a chance of death in my job</i>)					
10. Kerja saya menakutkan (<i>My job is scary</i>)					

BAHAGIAN C: KESELAMATAN RAKAN SEKERJA

Sila bulatkan pada petak berkenaan bagi menerang dan menggambarkan **rakan sekerja** anda berdasarkan skala berikut:

1: Sangat tidak setuju

2: Tidak Setuju

3: Neutral

4: Setuju

5: Sangat Setuju

1. Mengabaikan peraturan keselamatan (<i>Ignore safety rules</i>).	1	2	3	4	5
2. Tidak mempedulikan keselamatan orang lain (<i>Don't care about others' safety</i>)	1	2	3	4	5
3. Memberi perhatian pada peraturan keselamatan (<i>Pay attention to safety rules</i>)	1	2	3	4	5
4. Mematuhi peraturan keselamatan (<i>My co-workers follow safety rules</i>)	1	2	3	4	5
5. Mengambil berat keselamatan orang lain (<i>My co-workers look out for others' safety</i>)	1	2	3	4	5
6. Menggalakkan orang lain bekerja dengan selamat (<i>Encourage others to be safe</i>)	1	2	3	4	5
7. Tidak menitikberatkan soal keselamatan (<i>Take chances with safety</i>)	1	2	3	4	5
8. Memastikan tempat kerja bersih (<i>Keep work area clean</i>)	1	2	3	4	5
9. Berorientasikan keselamatan (<i>Safety-oriented</i>)	1	2	3	4	5
10. Tidak menumpukan perhatian semasa bekerja (<i>Don't pay attention at work</i>)					

BAHAGIAN D: PENYELIAAN

Sila bulatkan pada petak berkenaan bagi menerang dan menggambarkan **penyelia** anda berdasarkan skala berikut:

1: Sangat tidak setuju

2: Tidak Setuju

3: Neutral

4: Setuju

5: Sangat Setuju

1. Memuji peri laku kerja yang selamat (<i>Praises safe work behaviours</i>)	1	2	3	4	5
2. Menggalakkan peri laku selamat (<i>Encourage safe behaviours</i>)	1	2	3	4	5
3. Sentiasa memaklumkan peraturan keselamatan kepada pekerja (<i>Keep workers informed of safety rules</i>)	1	2	3	4	5
4. Memberi ganjaran terhadap peri laku selamat (<i>Rewards safe behaviours</i>)	1	2	3	4	5
5. Melibatkan pekerja dalam menetapkan matlamat keselamatan (<i>Involves workers in setting safety goals</i>)	1	2	3	4	5
6. Berbincang isu keselamatan dengan orang lain (<i>Discusses safety issues with others</i>)	1	2	3	4	5
7. Mengemas kini peraturan keselamatan (<i>Updates safety rules</i>)	1	2	3	4	5
8. Memberi latihan keselamatan kepada pekerja (<i>Trains workers to be safe</i>)	1	2	3	4	5
9. Menguat kuasa peraturan keselamatan (<i>Enforces safety rules</i>)	1	2	3	4	5
10. Mengambil tindakan cadangan keselamatan (<i>Acts on safety suggestions</i>)	1	2	3	4	5

BAHAGIAN E: AMALAN KESELAMATAN PIHAK PENGURUSAN

Sila bulatkan pada petak berkenaan bagi menerang dan menggambarkan **pihak pengurusan** anda berdasarkan skala berikut:

1: Sangat tidak setuju

2: Tidak Setuju

3: Neutral

4: Setuju

5: Sangat Setuju

1. Menyediakan program-program keselamatan yang mencukupi (<i>Provide enough safety programs</i>)	1	2	3	4	5
2. Sering membuat pemeriksaan keselamatan (<i>Conduct frequent safety inspections</i>)	1	2	3	4	5
3. Segera menyiasat masalah keselamatan (<i>Investigates safety problems quickly</i>)	1	2	3	4	5
4. Memberikan ganjaran kepada pekerja yang bekerja secara selamat (<i>Rewards safe workers</i>)	1	2	3	4	5
5. Menyediakan alat keselamatan (<i>Provides safe equipment</i>)	1	2	3	4	5
6. Menyediakan tempat kerja yang selamat (<i>Provide safe working conditions</i>)	1	2	3	4	5
7. Cepat bertindak balas terhadap perkara-pekerja yang berkait dengan keselamatan (<i>Respond quickly to safety concerns</i>)	1	2	3	4	5
8. Sentiasa membantu mengekalkan kebersihan tempat kerja (<i>Helps maintain clean work area</i>)	1	2	3	4	5
9. Menyediakan maklumat berkaitan keselamatan (<i>Provides safety information</i>)	1	2	3	4	5
10. Sentiasa mewar-warkan keadaan berbahaya kepada pekerja (<i>Keeps workers informed of hazards</i>)	1	2	3	4	5

BAHAGIAN F: PROGRAM DAN POLISI KESELAMATAN

Sila bulatkan pada petak berkenaan bagi menerangkan dan menggambarkan **program dan polisi keselamatan** ditempat kerja anda berdasarkan skala berikut:

1: Sangat tidak setuju

2: Tidak Setuju

3: Neutral

4: Setuju

5: Sangat Setuju

1. Bermanfaat (<i>Worthwhile</i>)	1	2	3	4	5
2. Membantu mencegah kemalangan (<i>Helps prevent accident</i>)	1	2	3	4	5
3. Berfaedah (<i>Useful</i>)	1	2	3	4	5
4. Bagus (<i>Good</i>)	1	2	3	4	5
5. Terbaik (<i>First-rate</i>)	1	2	3	4	5
6. Tidak jelas (<i>Unclear</i>)	1	2	3	4	5
7. Penting (<i>Important</i>)	1	2	3	4	5
8. Berkesan mengurangkan kecederaan (<i>Effective in reducing injuries</i>)	1	2	3	4	5
9. Tidak boleh dilaksanakan di tempat kerja saya (<i>Doesn't apply to my workplace</i>)	1	2	3	4	5
10. Tidak berfaedah (<i>Does not work</i>)	1	2	3	4	5

BAHAGIAN G: TINGKAH LAKU PEMATUHAN KESELAMATAN

Sila bulatkan pada petak berkenaan bagi menerang dan menggambarkan tingkahlaku pematuhan keselamatan ditempat kerja anda berdasarkan skala berikut:

1: Tidak Pernah

2: Jarang-jarang

3: Kadang-kadang

4: Kerap

5: Amat Kerap

-
- | | | | | | |
|---|----------|----------|----------|----------|----------|
| 1. Saya terlepas pandang prosedur keselamatan agar tugas dapat diselesaikan dengan lebih cepat. (<i>I overlook safety procedures in order to get job done more quickly</i>). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2. Saya mematuhi segala prosedur keselamatan tanpa mengendahkan situasi yang sedang dihadapi. (<i>I follow all safety procedures regardless of the situation I am in</i>). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3. Saya menangani semua situasi dengan andaian kemalangan akan berlaku. (<i>I handle all situations as if there is a possibility of having an accident</i>). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 4. Saya menggunakan semua alat keselamatan seperti yang ditetapkan. (<i>I wear safety equipment required by practice</i>). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 5. Saya memastikan kawasan tempat kerja bersih. (<i>I keep my work area clean</i>). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 6. Saya menggalakkan rakan-rakan sekerja agar bekerja dengan selamat. (<i>I encourage co-workers to be safe</i>). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 7. Saya memastikan semua peralatan kerja berada dalam keadaan selamat. (<i>I keep my work equipment in safe working condition</i>). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 8. Saya tidak begitu mengendahkan perilaku selamat agar kerja dapat diselesaikan dengan segera. (<i>I take shortcuts to safe working behaviours in order to get the job done faster</i>). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

9. Saya tidak mematuhi peraturan keselamatan yang saya rasa **1 2 3 4 5**
tidak perlu.
10. *(I do not follow safety rules that I think are unnecessary).* 10 **1 2 3 4 5**
Saya melapor kepada penyelia masalah keselamatan apabila
saya menemuinya. *(I report safety problems to my supervisor
when I see safety problem).*
11. Saya membetulkan masalah keselamatan bagi memastikan **1 2 3 4 5**
kemalangan tidak berlaku. *(I correct safety problems to ensure
accidents will not occur).*
-